

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 124 ● 16 - 22 JULAI 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

SEBARAN UMUM

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Operasi bersepadu RumahPrihatin@GrandSeasons mula 15 Julai

INISIATIF RumahPrihatin@GrandSeasons atau Rumah Prihatin memulakan operasi bersepadunya pada 15 Julai bagi membantu warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat penularan COVID-19 khususnya golongan miskin bandar.

Dilaksanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama dan sokongan sukarelawan, persatuan, organisasi korporat serta pertubuhan

bukan kerajaan (NGO), hotel kebajikan itu menawarkan enam komponen utama 'WE CARE'.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam satu kenyataan berkata, diharapkan inisiatif yang dijalankan itu dapat membantu dalam mengkoordinasikan penyaluran bantuan serta perkhidmatan dengan lebih berkesan.

"Semoga inisiatif ini sedikit sebanyak dapat membantu dalam membaik pulih keadaan darurat kesihatan, ekonomi, mental dan fizikal rakyat yang begitu terkesan akibat pandemik COVID-19," maklumnya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat dan memberikan sumbangan boleh melayari laman sesawang www.yayasanwp.org/rumahprihatin atau e-mel

ke rumahprihatin@yayasanwp.org.my.

Mereka juga boleh menghubungi helpline di talian 011-71107898; Dapur Prihatin (011-70742927); Bilik Penginapan Prihatin (011-70736458); Khidmat Kesihatan Mental Prihatin (011-70738412); Khidmat Vaksinasi Prihatin (011-70742318) atau Pusat Gerakan Jejak Prihatin (011-70738633).

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Jejak Prihatin: Penghubung kerajaan, miskin tegar



MENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa menyerahterahkan makanan kepada kelompok gelandangan pada Khamis. Dapur Prihatin menyediakan 1,000 paket makanan sehari dan merupakan salah satu program yang disediakan di RumahPrihatin@GrandSeasons bagi menyantuni golongan memerlukan.

SUNGGUHPUN pelbagai bantuan dan inisiatif disediakan kerajaan demi membantu golongan rentan sepanjang tempoh penularan wabak COVID-19, namun masih ramai lagi yang terpinggir dan tidak menerimanya.

Justeru, bagi memastikan matlamat penyaluran bantuan tercapai khususnya di Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menujuhan skuad Jejak Prihatin yang bertindak sebagai penghubung antara kerajaan dan

kumpulan rentan termasuk individu terjejas pendapatan.

Program yang bermula secara rasmi pada 14 Julai itu juga membolehkan keadaan semasa rakyat dalam kesusahan dilihat secara lebih terperinci supaya bantuan yang disalurkan bersesuaian.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, Jejak Prihatin merupakan inisiatif untuk memastikan tiada siapa pun di kalangan rakyat dan warga Wilayah Persekutuan terutama di Kuala

Lumpur tertinggal daripada bantuan yang disalurkan kerajaan.

Tambah beliau, ia juga bagi mengetahui keadaan rakyat yang dalam kesusahan agar kerajaan dapat menyelaraskan pelbagai bantuan bagi menentukan ia sampai kepada kelompok yang memerlukan.

"Kita tahu jumlah pelbagai pakej (yang diumumkan kerajaan) telah bernilai lebih RM500 bilion, bermula tahun lalu sehingga PEMULIH (Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi). Tidak pernah dalam

negara kita sebegini banyak bantuan dikeluarkan kerajaan.

"Tetapi jangan menafikan kemungkinan ada juga kelompok-kelompok yang terpencil, tidak sampai, terlepas pandang dan sebagainya. Jadi sebagai usaha untuk memastikan tiada yang tertinggal, saya menggerakkan 4,000 sukarelawan dan semua ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)," tegasnya.

BERITA LANJUT DI MUKA 3

Kementerian Wilayah Persekutuan 'gali' individu miskin bandar, terjejas yang belum divaksin

Vaksinasi: Tiada warga kota tercicir

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

TIADA warga kota yang akan tercicir daripada program vaksinasi, malah sasaran 80 peratus imuniti berkelompak bakal dicapai menjelang Ogos ini, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Menurut beliau, pelbagai usaha sedang dilaksanakan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi membuka semula Kuala Lumpur sebagai pusat kegiatan ekonomi utama termasuk memastikan setiap warganya dilengkapi dua dos vaksin.

"Sekarang ini, adalah masa untuk kita turun mencari mereka yang tertinggal seperti golongan miskin dan gelandangan untuk divaksin."

"Ini juga tujuan kita menujuhkan RumahPrihatin@GrandSeasons. Ia bagi memastikan tiada warga kota yang tertinggal untuk divaksinasi," katanya kepada pemberita selepas meninjau operasi hari pertama RumahPrihatin@GrandSeasons pada Khamis.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha KWP, Datuk Wan



ANNUAR melihat salah seorang penerima suntikan vaksin di RumahPrihatin@GrandSeasons yang dimulakan 15 Julai.

Ahmad Uzir Wan Sulaiman; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun dan Pengarah Hotel Grand Seasons, Datuk Ariff Shah Omar Shah.

Annuar berkata, bagi mencapai sasaran itu, satu mesyuarat diadakan bersama semua ahli parlimen Wilayah Persekutuan pada Jumaat

bagi membincangkan perancangan Kuala Lumpur setelah mencapai imuniti kelompok.

"Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan dan Ahli Dewan Negara tanpa mengenal parti dilibatkan dan saya mendapatkan pendapat mereka supaya Kuala Lumpur ini akan dibuka dengan prosedur operasi standard (SOP)



BILIK penginapan yang disediakan di Rumah Prihatin juga bakal memberikan keselesaan kepada penghuninya.

yang baharu selepas kita mencapai 80 peratus imuniti berkelompok termasuklah pemerkasaan komuniti.

"Apabila pada awal Ogos kita dah capai dua dos untuk setiap warga kota, saya berpandangan kita perlu hidup bersama COVID-19 dan kita kena mula buka kegiatan di Kuala Lumpur," katanya.

RumahPrihatin@GrandSeasons

yang mula beroperasi 15 Julai menawarkan enam komponen utama iaitu Dapur Prihatin, Food Bank, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Khidmat Vaksinasi Prihatin dan Pusat Gerakan Jejak Prihatin selari dengan konsep Wilayah Cakna dan Wilayah Prihatin bagi membantu rakyat secara lebih proaktif. **WK**

KK Mart bangga dapat sediakan sumbangan untuk rakyat

NAZWIN NAZRI

PENGASAS dan Pengerusi Eksekutif KK Super Mart, Datuk Seri Dr K K Chai mazahirkan rasa gembira dan berbangga kerana berpeluang menyediakan sumbangan bagi membantu keluarga miskin serta terjejas pendapatan akibat penularan wabak COVID-19.

Katanya, bagi Program Jejak Prihatin yang dilancarkan pada 14 Julai lalu, pihaknya memberikan sumbangan beras dan barang keperluan.

"Bilangan sumbangan (Jejak Prihatin) adalah 7,000 pek. Ia diberikan kepada semua keluarga yang memerlukan sumbangan ini."

"Kami mengetahui, pada masa pandemik ini ramai orang sudah dibuang kerja, ada yang tidak dapat bermiaga dan ramai terjejas pendapatan. Oleh itu, KK Mart tampil untuk menolong mereka," katanya ketika ditemui Wilayahku selepas menyerahkan sumbangan bagi Program Jejak Prihatin pada Rabu.

Enggan berkongsi jumlah keseluruhan peruntukan yang sudah disalurkan sepanjang tempoh pandemik ini, Chai memberitahu, pihaknya telah bekerjasama dengan beberapa



KK CHAI menunjukkan sumbangan yang akan disalurkan kepada kumpulan terjejas menerusi Jejak Prihatin.

kementerian serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan golongan sasar menerima sumbangannya.

Jelasnya, setiap bulan syarikat yang diasaskannya itu akan memperuntukkan sejumlah wang dan barang keperluan yang mana dianggarkan kira-kira RM100,000 hingga RM200,000.

"Dalam Op Bantu baru-baru ini, kita sediakan barang keperluan dan diberikan kepada pihak polis untuk diserahkan kepada semua kumpulan yang me-

merlukannya. Hari ini (14 Julai) rasa bangga kerana boleh bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan pula.

"Selain itu, kita juga sediakan 'foodbank' untuk MAIWP (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan) dan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan serta lain-lain lokasi di samping menyalurkan terus bantuan kepada rumah anak yatim dan warga emas," ujarnya yang mendapati keadaan penularan wabak semakin getir dan membimbangkan masa ini. **WK**

Skuad Jejak Prihatin siap siaga salur sumbangan

SSKUAD Jejak Prihatin bersiap siaga turun padang bagi mendengar keluhan rakyat susah serta kehilangan mata pencarian sepanjang tempoh getir yang melanda negara masa ini.

Menurut Setiausaha Majlis Perwakilan Penduduk (MPPWP) Parliment Bandar Tun Razak, A Azahari Abu Adam, pihaknya sudah bersiap sedia 100 peratus untuk mengagihkan sumbangan kepada golongan sasar yang sudah disenaraikan.

"Terdapat dua lokaliti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di sini, jadi mereka akan dipanggil untuk menerima sumbangan. Pengagihan di lapangan akan dilakukan mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan kerajaan."

"Seramai 600 penerima layak telah disenaraikan di Bandar Tun Razak. Mereka terdiri daripada kumpulan miskin bandar yang berpendapatan RM2,001 ke bawah dan sudah lebih setahun terkesan," katanya sambil menambah senarai nama turut disemak di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bagi Sukarelawan Prihatin (PriVo) yang terlibat dalam skuad Jejak

Prihatin, Balqish Iman Mazhar, 20, minat dalam aktiviti kesukarelawan mendorongnya untuk menyertai program yang dianjurkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Bagi pelajar tahun kedua jurusan Pengurusan Sukan Kolej Politech-MARA, Bangi, Selangor itu, cuti semester yang sedang dinikmatinya masa ini lebih bermakna apabila diisi dengan program bermanfaat seperti aktiviti kesukarelawan.

"Aktiviti kesukarelawan kali ini berbeza dengan program yang pernah saya sertai. Sedikit sebanyak, saya berpeluang merasai perit lelah petugas barisan hadapan yang sentiasa berjuang tanpa henti untuk rakyat," katanya yang gembira menyertai Jejak Prihatin.

Selain itu, katanya, program itu membuka peluang untuknya mengenali lebih ramai orang yang terdiri daripada pelbagai latar belakang di samping menyelami kesusaahan rakyat miskin dan terjejas pandemik.

Tambah anak keempat daripada lima beradik ini, walaupun takut dengan penularan wabak yang kini boleh dijangkiti melalui udara, dia tetap bersemangat untuk membantu melancarkan pemberian sumbangan yang direncanakan. **WK**



A AZAHARI



BALQISH

Jejak Prihatin kutip maklumat, selaras bantuan berterusan

Pantau rakyat secara terus - Annuar

DARI MUKA DEPAN

NAZWIN NAZRI

PROAKTIF dalam memastikan tiada rakyat tercicir daripada menerima bantuan kerajaan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menubuhkan pasukan Jejak Prihatin yang membolehkannya menjelaki dan mengetahui keadaan golongan rentan secara bersemuka.

Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, program yang bermula secara rasmi pada 14 Julai lalu itu dilihat sebagai pelengkap bagi usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan untuk kumpulan sasaran sekali gus dapat memastikan ia sampai terus kepada mereka.

Berkata mengenainya, beliau memberitahu, Jejak Prihatin digerakkan kira-kira 4,000 individu terdiri daripada Sukarelawan Prihatin (PriVo) dan ahli Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), yang diselaraskan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Jelas beliau, kesemua terlibat akan bergerak dari pintu ke pintu untuk menjenguk secara fizikal apakah keadaan keluarga miskin tegar



ANNUAR melihat antara barang keperluan yang disumbangkan KK Mart untuk disalurkan kepada golongan sasar menerusi Jejak Prihatin.

mahupun miskin bandar di Kuala Lumpur di samping mengenal pasti keperluan serta permasalahan yang dihadapi.

"Mereka akan diberikan nombor untuk dihubungi supaya orang susah tidak rasa malu untuk memohon bantuan. Sukarelawan dan MPPWP juga akan mengutip data mereka untuk dihimpunkan di Rumah

Prihatin yang turut dijadikan sebagai pusat dua hala iaitu menyampaikan serta mengutip maklumat, (sebelum) disusuli dengan tindakan.

"Mereka juga akan melihat beberapa perkara antaranya adakah keluarga miskin itu sudah mendapatkan vaksin. Pelaksanaan dilakukan secara berperingkat yang mana fasa pertama bermula 14 hing-

Pembaca boleh sentuh QR code untuk tonton video berkenaan



ga 28 Julai ini," katanya selepas memantau pelaksanaan Program Jejak Prihatin pada Rabu di RumahPrihatin@ GrandSeasons, Kuala Lumpur.

Menurut

Annuar, bagi pusingan pertama, pasukan Jejak Prihatin akan menemui 7,000 keluarga yang sudah dikenal pasti daripada senarai miskin tegar dan miskin

Jabatan Perdana Menteri (JPM) manakala lebih 7,000 lagi berasaskan senarai yang digunakan Kementerian Kewangan dalam Program Prihatin Kasih.

Ujar beliau, daripada pelaksanaan itu, sukarelawan terlibat akan turut menjadi penghubung antara Rumah Prihatin dan keluarga miskin bandar terutamanya di Wilayah Persekutuan.

"Jadi dengan program ini, saya harap kita dapat dengar keluh kesah rakyat secara langsung bukan lagi tunggu rakyat datang kepada kita tetapi kita pergi kepada rakyat secara berterusan.

"Saya harap sentuhan ini akan

sampai kepada setiap rumah yang telah kita kenal pasti dan diharapkan maklumat yang kita nak kumpulkan nanti dapat membantu kita membuat tindakan susulan antaranya termasuklah aspek kesihatan mental," jelasnya.

Terdahulu, pemantauan itu turut disertai Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

WK

RUMAHPRIHATIN@ GRANDSEASONS

- Hotel kebajikan untuk rakyat terkesan pandemik COVID-19
- Sejajar inisiatif PEMULIH untuk membantu golongan terkesan sepanjang pasca-COVID-19
- Nombor bantuan: 011-1107898/019-3483073
- Laman sesawang : www.yayasanwp.org/rumahprihatin
- Emel: rumahprihatin@yayasanwp.org.my
- Operasi: sepanjang masa
- Enam program disediakan: bilik penginapan prihatin, khidmat kesihatan mental prihatin, dapur prihatin, khidmat vaksinasi prihatin, pusat gerakan Jejak Prihatin

Operasi Klinik Kesihatan Mental Rumah Prihatin sepanjang masa

MENYEDARI peningkatan kes bunuh diri dan pesakit kemurungan yang berpunca daripada tekanan hidup, Klinik Kesihatan Mental RumahPrihatin@ GrandSeasons akan beroperasi secara berterusan.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, individu yang ingin mendapatkan bantuan dan khidmat pakar juga boleh datang terus ke lokasi berkenaan atau menghubungi nombor bantuan yang disediakan.

"Kita juga ada 'helpline' dan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) yang berhubung terus memberi maklum balas atau bawa orang itu kepada kita.

"Kita ada keluarkan jadual dan siapa yang bertugas, (klinik) dibuka sepanjang hari. Kita ada beberapa bilik konsultasi dan beberapa kaedah bimbingan, kaunseling yang telah ditetapkan oleh pakar-pakar," jelas beliau pada Rabu.

Menurut Annuar, langkah itu disediakan selepas mengambil kira keadaan semasa termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyukarkan orang ramai berkomunikasi antara satu sama lain secara bersemuka bagi meluahkan tekanan



ANNUAR berbual bersama salah seorang remaja yang mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Mental RumahPrihatin@GrandSeasons sambil didengari pakar kesihatan.

hidup.

Ujar beliau, di Rumah Prihatin juga, pihaknya turut menyediakan rangkaian psikatri dan kaunselor bagi membantu mereka yang memerlukan selain membuka perkhidmatan secara atas talian.

Tambahnya, tindakan susulan akan dilakukan mengikut kaedah yang bersesuaian.

2 Julai lalu, KWP memaklumkan pihaknya sedang merangka mekanisme dan pendekatan yang lebih efektif

untuk membantu warga Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur yang mengalami masalah kesihatan mental serius serta perlu ditanagi segera selepas mendapat peningkatan masalah itu yang disebabkan kesempitan hidup.

Ekoran itu, penubuhan Klinik Kesihatan Mental diperkenal dan dipusatkan di RumahPrihatin@ GrandSeasons bersama lima lagi elemen lain yang turut diselaraskan di situ. WK

Bergerak 3,000 rumah sehari - YWP

BAGI memastikan hasrat Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** yang mahukan tiada individu terjejas COVID-19 tercicir daripada menerima bantuan kerajaan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan menyantuni 3,000 keluarga, sehari menerusi Program Jejak Prihatin.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, pihaknya bertindak sebagai penyelaras dalam penyaluran bantuan kerajaan kepada golongan sasar dan Jejak Prihatin akan bergerak dari pintu ke pintu bagi mendalamai permasalahan yang dihadapi.

Oleh itu, katanya, dianggarkan kira-kira 3,000 hingga 4,000 keluarga akan disantuni dalam tempoh satu hari, sepanjang pelaksanaan program.

"Program ini merupakan sumbangan daripada pihak KK Mart. Kita hanya

membantu sahaja. Di pihak yayasan pula, kita mahu pastikan program yang dilaksanakan berjalan lancar dan mencapai objektif.

"Oleh kerana RumahPrihatin@ GrandSeasons diletakkan di bawah pengurusan YWP dan Sukarelawan Prihatin (PriVo) juga dikendalikan bersama, kami (YWP) akan bertindak sebagai penyelaras bagi semua program yang direncanakan di sini," katanya kepada Wilayahku.

Menurut Zaizalnizam lagi, bagi Jejak Prihatin, dianggarkan 5,000 sukarelawan akan turun padang dan menyantuni serta mendengar permasalahan dihadapi keluarga penerima.

Tambahnya, mereka juga akan meninggalkan nombor yang boleh dihubungi jika golongan sasar memerlukan bantuan atau mempunyai masalah. WK



PRIVO turut terlibat dalam Jejak Prihatin dan akan turun ke lapangan bagi melihat dan memantau keadaan individu susah.

Saringan PKPD tingkatkan kes Wilayah Persekutuan

JANGKITAN COVID-19 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak menunjukkan tren luar biasa dan keadaan adalah terkawal.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** telah mengarahkan Pusat Penyelarasan Dan Pengurusan Covid-19 Wilayah Persekutuan (CCMC-WP) untuk memperincikan kes-kes di Wilayah Persekutuan agar langkah yang lebih tepat dan berkesan dapat diambil.

"Majoriti kes yang dikenal pasti adalah daripada saringan yang dibuat di kawasan PKPD bersasar iaitu 18.5 peratus yang secara umumnya telah mula bertambah baik."

"Sebahagian lagi adalah daripada kes kontak rapat positif iaitu 52 peratus yang disumbang oleh pesakit yang gagal mematuhi peraturan kuarantin dalam rumah sendiri. Manakala 24 peratus lagi adalah kes sporadik dalam kalangan komuniti," katanya menerusi satu kenyataan media hari ini.

Jelasnya terdapat lima faktor yang menyumbang kepada kes tinggi dan antaranya adalah saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) iaitu hampir 300 kes positif dilaporkan, lebih separuh (52 peratus) adalah jangkitan daripada kontak rapat yang kebanyakannya dalam isi rumah dan masih terdapat jangkitan daripada kontak rapat di tempat kerja seperti di pasaraya (contohnya AEON Alamanda) dan pejabat, majoriti kes positif di PKPD dan kontak rapat isi rumah di kuarantin di rumah menyebabkan penularan kepada ahli keluarga, ham-



MAJORITI kes COVID19 di Wilayah Persekutuan kerana saringan PKPD.

pir seperempat adalah kes sporadik yang tidak diketahui punca jangkitan namun berkemungkinan besar daripada komuniti dan terakhir sekali penularan kes berkemungkinan didorong oleh transmisi daripada Varian Delta yang lebih mudah berjangkit.

Tambahnya CCMC-WP akan memantau situasi ini terutama berkaitan peraturan kuarantin di rumah sendiri yang dirasakan tidak bersesuaian untuk diteruskan lagi dan CCMC-WP juga akan mengambil tindakan dengan menutup mana-mana tapak bina yg terdapat kes positif.

Dalam pada itu, Annuar menasihatkan majikan dan seluruh warga Kuala Lumpur untuk menyegerakan proses penvaksinasi selaras dengan dasar dan matlamat mencapai 80 peratus menjelang bulan Ogos bagi Kuala Lumpur.

Beliau juga menegaskan bahawa secara keseluruhannya keadaan di Wilayah Persekutuan adalah terkawal dengan jangkaan kes akan menurun pada minggu hadapan hingga akhir bulan Julai dengan pencapaian peratusan suntikan vaksin yang tinggi di Wilayah Persekutuan. WK

Kapasiti vaksinasi di KL ditingkatkan 3 kali ganda

KAPASITI pemberian vaksin di ibu negara menerusi Program Rintis Vaksinasi Bergerak MyMedic@Wilayah akan ditambah tiga kali ganda.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, berkata usaha itu bagi mempercepatkan imuniti kelompok dicapai di Wilayah Persekutuan.

"MyMedic@Wilayah akan ditambah tiga kali ganda. Operasi vaksinasi diperhebatkan di Kuala Lumpur supaya ibu negara segera di buka.

"Beberapa pusat (Pusat

Pemberian Vaksin (PPV)) akan mula terima secara 'walk in' termasuk di rumah prihatin di Grand Seasons. terus fokus," katanya pada Ahad.

Program Rintis Vaksinasi MyMedic@Wilayah bermula sejak 7 Jun lalu, yang dilaksanakan di beberapa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara.

Ketika ini, sebahagi-



ANNUAR

an lokaliti di ibu negara terutama perumahan PPR dan PA dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), sementara premis perniagaan masih banyak yang ditutup.

Dalam pada itu, Annuar berkata, sekurang-kurangnya 39,000 bakul makanan disediakan melalui saluran semua Ahli Parlimen di Kuala Lumpur.

"Seramai 15,000 menerima RM100 tunai setiap bulan untuk tiga bulan. Bakul Makanan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat), Yayasan Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain agensi sekitar 30,000, cukup untuk semua," katanya.

Pemberian tunai RM100 itu boleh ditebus penerima bermula bulan ini bagi pembelian barang di outlet terpilih di seluruh negara. WK

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Rosidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com

Syahidi Bakar

diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfarq@ayasanwp.org.my

PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@ayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran101@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Jumaitul Laili Zakiah Ismail
jumaitul@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm868@gmail.com

PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre
Nur Hazirah Mohamed Halim
Diana Syuhada Mohd Amir
Muhammad Adib Zailani



Selamat bertugas Ismail Sabri, Hishamuddin

BELUM terlambat mengucapkan tahniah dan selamat bertugas kepada Datuk Ismail Sabri Yaakob yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan dan Datuk Sri Hishammuddin Hussein sebagai Menteri Kanan Luar dalam kerajaan Perikatan Nasional (PN) baru-baru ini.

Diharapkan pelantikan mereka akan meredakan suhu panas politik, khususnya ketika UMNO berhasrat menarik sokongan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan kerajaan PN.

Sewajarnya dalam keadaan negara sedang berperang dengan pandemik COVID-19 yang belum surut, tumpuan mesti menjurus ke arah menghadapi cabaran ini. Perkara ini sudah diperkatakan berkali-kali sebelum ini, namun masih ada juga kelompok yang terus berpolitik demi kepentingan sendiri.

Sekarang bukan waktu sesuai untuk terserong daripada matlamat utama, bukan waktu untuk pertelingkahan atau ugut mengugut politik. Masalah yang dihadapi negara dan rakyat jauh lebih penting dan perlu diselesaikan segera agar COVID-19 dapat dibendung dan rakyat kembali kepada kehidupan normal.

Janji Ismail Sabri dan Hishammuddin untuk melaksanakan tanggungjawab diberi sebaik mungkin dengan mengutamakan kebijakan rakyat dan negara amat melegakan. Inilah sewajarnya sikap ahli politik yang berpandangan jauh dalam memastikan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat.

Kita percaya Muhyiddin dan seluruh anggota kabinet memberi sokongan dan sama-sama bergerak seberis dan seiring sebagai satu pasukan menghadapi dan menyelesaikan apa juga permasalahan negara dan rakyat.

Ketika rakyat sedang berhadapan dengan pelbagai masalah akibat tempias COVID-19, mereka mengharapkan nasib mereka diambil tahu dan dibela. Mereka mahu para pemimpin yang diberi amanah mendabir negara tidak sibuk berpolitik sehingga melupakan nasib rakyat.

Parlimen pun akan kembali bersidang pada 26 Julai selama lima hari, diikuti oleh Dewan Negara mulai 3 Ogos. Inilah peluang terbaik untuk para pemimpin dan wakil yang dipilih rakyat berbahas mengenai isu-isu penting, termasuk COVID-19 di samping mencari jalan terbaik menyelesaikan apa juga masalah.

Sewajarnya semua wakil rakyat menyedari tanggungjawab yang terbeban di atas bahu mereka. Kita percaya mereka cukup matang membezakan yang utama dan mana yang boleh dikesampingkan dahulu. Inilah yang seharusnya menjadi asas utama perbahasan dan perbincangan. Jangan lupa, rakyat memerhatikan.

Jangan biar kawat berduri dibolosi

KAWAT berduri di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Pantai Dalam, Kuala Lumpur dibolosi baru-baru ini. Satu perbuatan yang jelas mencabar piak berkuasa dan tidak harus dibiarakan terus berlaku.

Kerana itu PKPD dilaksanakan sebagai usaha memperketat pergerakan keluar masuk mereka dalam kawasan berkenaan. Langkah ini penting sebagai kunci utama mengekang penyebaran virus demi keselamatan penghuni di dalam kawasan PKPD itu sendiri serta kawasan luar.

Oleh itu amat menggecekan apabila dilaporkan berlaku kejadian penduduk meloloskan diri dari kawasan PKPD di Pantai Dalam tersebut sehingga sanggup meredah kawat berduri yang dipasang oleh pasukan keselamatan.

Benar, jumlah yang mlarikan diri hanya dua tiga orang. Tetapi ia adalah pelanggaran peraturan yang serius kerana bergerak keluar dari kawasan merah yang dikawal rapi. Dua tiga orang yang bolos ini boleh menyebarkan virus kepada ramai orang.

Impaknya kepada masyarakat luar adalah berganda jika terbukti mereka membawa virus. Mereka akan mendedahkan komuniti di kawasan berkenaan kepada bahaya jangkitan.

Apa yang berlaku ini wajar menjadi ikutir kepada semua mereka yang berada dalam kawasan PKPD supaya jangan sekali-kali cuba melanggar perintah kawalan pergerakan. Jagalah keselamatan diri sendiri dan keselamatan pihak lain di luar kawasan PKPD.

Semoga ini juga akan menjadi pengajaran berharga kepada pasukan keselamatan yang mengawal kawasan PKPD agar lebih berhati-hati dan berwaspada jangan sampai kawat berduri terus dibolosi. Ambil tindakan tegas terhadap mereka yang didapati cuba meloloskan diri. Jangan sampai usaha mengekang COVID-19 dipermain-mainkan.



MENERUSKAN AGENDA **PRIHATIN RAKYAT**

PENGECUALIAN PENALTI DENDA LEWAT CUKAI TAKSIRAN TERTUNGGAK TAHUN 2020 & 2021

Unit kediaman, premis komersial dan perindustrian di WP Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan.

RM7.6 juta

Pengecualian hasil kepada DBKL, PPj & PL



PENANGGUHAN BAYARAN CUKAI TAKSIRAN 2021 DBKL, PPJ & PL

-■ Sehingga Disember 2021.
-■ Bagi WP Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan.

PENGURANGAN 50% BAYARAN SEWA BULANAN PPR MTEN / PA DBKL & PA PL

-■ Bermula Jun - Disember 2021.
-■ **38,124** unit PPR MTEN / PA DBKL di WP Kuala Lumpur.
-■ **457** unit Perumahan Awam PL di WP Labuan.

RM17 juta

Pengecualian hasil kepada DBKL & PL



Kaya, miskin dari sudut rohani



DATUK DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

SEBAGAIMANA kekayaan tidak pernah jemu menarik keinginan manusia, kemiskinan juga tidak pernah berhenti mengejar kehidupan kita.

Kedua-duanya merupakan persoalan yang kompleks dan mempunyai sifat multi dimensi, maka itu perbincangan mengenainya tidak akan pernah berakhir.

Kenyataan di atas akan selamanya benar selagi kayu pengukur kekayaan dan kemiskinan itu adalah segala sesuatu yang bersifat material.

Selain itu juga ia akan dinilai dengan apa yang orang nampak bukannya apa yang si kaya atau si miskin itu rasa.

Dan selagi kedua-duanya masih diukur serta dinilai dengan cara sedemikian selagi itulah jurang kehidupan antara manusia akan sentiasa melebar dengan kemiskinan akan kekal menjadi mimpi negeri yang menggusarkan semua pihak, dari individu sehingga kepada kelompok masyarakat dan kerajaan.

Tetapi bagaimana jika kekayaan dan kemiskinan dilihat serta dibincangkan dari sudut kerohanian?

Bagaimana jika kita renung banglo-banglo mewah di Bukit Bangsar atau kawasan lain seumpamanya dengan mata dan hati, bukannya dengan mata semata-mata?

Bagaimana jika kita melihat perkampungan setinggan, rumah-rumah PPR dan PPA dari sudut lain yang melangkaui soal luas sempitnya kediaman atau besar kecilnya pendapatan?

Untuk keluaran ini, saya tidak akan mentafsirkan kemiskinan berdasarkan definisi lazim iaitu sebagai hubungan antara keperluan minimum seseorang dan kemampuan mereka memenuhi keperluan tersebut.

Penilaian berpandukan definisi itu telah mendepankan kita dengan beberapa fakta, antaranya; 9.1 peratus hingga 9.4 peratus penduduk dunia ini berada dalam kelompok miskin dan miskin tegar pada tahun 2020, 5.6 peratus penduduk Malaysia dikategorikan miskin pada 2019 dan sehingga Februari tahun ini kira-kira 30,000 isi rumah di Kuala Lumpur diletakkan dalam kelompok miskin bandar.

“Titik mulanya ialah tentang bagaimana kita mentafsirkan kekayaan dan kemiskinan dari sudut rohani.”

Angka-angka itu tentu telah berubah sekarang, menjadi lebih banyak, berikutan kesan berterusan pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun kita tidak akan ‘menjumpai’ angka-angka itu jika metodologi pemerhatian adalah berdasarkan aspek kerohanian.

Kaedah ini memang tidak akan dapat merungkai masalah sebenar, tetapi sekurang-kurangnya ia memberi kelegaan kepada mereka yang mahu memikirkannya.

Titik mulanya ialah tentang bagaimana kita mentafsirkan kekayaan dan kemiskinan dari sudut rohani.

Ulama tersohor dan cendekiawan ulung Nusantara, Buya Hamka (1908 – 1981) menerusi tulisannya dalam buku ‘Tasawuf Moden’ (1939) merumuskan bahawa yang menentukan apakah seseorang itu kaya atau miskin pada dasarnya bukanlah nilai material yang dimiliki, tetapi keperluannya.

“Siapa yang paling sedikit keperluannya, itulah orang yang paling kaya dan siapa yang amat banyak keperluan itulah orang yang miskin,” tulis Hamka.

Kekayaan dan keperluan lazimnya datang seiring.

Begitu juga dengan keperluan dan tanggungjawab. Semakin kaya seseorang itu, semakin banyak tanggungjawab yang perlu ditunaikan.


Rumah yang agam, kereta yang banyak, kos penyelenggaraan yang tinggi, pekerja yang ramai, kawan rakan yang perlu dirai, kehendak ahli keluarga yang besar dan pelbagai lagi.

Keperluan memenuhi tuntutan-tuntutan itu akan membawa kepada bertambahnya kehendak kepada keperluan-keperluan baharu.

Yang berkuasa mendambakan kedudukan yang lebih tinggi, yang bekerja mengharapkan pertambahan pendapatan, yang berniaga mahukan peluang dan untung yang lebih berganda. Maka dengan sendirinya keperluan pun menjadi bertambah banyak.

Apa yang terhasil selepas itu berkemungkinan besar adalah jiwa yang resah, hati yang kosong dan akal yang bercelaru.

Kekayaan material yang



MENGIKUT Buya Hamka dalam buku Tasawuf Moden, kaya atau miskin bukan dinilai dari meterial sebaliknya berdasarkan keperluan. Orang kaya adalah orang yang cukup pendapatannya dan orang miskin adalah orang yang tidak cukup cukup.

diperoleh kekal gagal memenuhi kehendak keperluan.

Penulis buku ‘The Infinity Sign’ Michael Bassey Johnson berkata kekayaan memberikan anda kebenaran untuk menjauhi semua perkara yang tidak anda gemari, dan ia akan menyebabkan anda menghabiskan hidup dengan mengelak dan mlarikan diri.

Perkara lain yang tidak disebut oleh penulis itu ialah kekayaan material yang didokong oleh kemiskinan rohani akan menjadikan seseorang itu sentiasa berasa tidak puas dan tidak cukup dengan apa yang dimilikinya.

Bagi mengelak daripada berdepan situasi itu, Hamka menawarkan tips mudah untuk menjadi kaya iaitu, cukupkan apa yang ada, jangan tergoda dengan apa yang dimiliki orang lain dan sentiasa taat kepada Allah Taala.

Tips ini boleh dipraktikkan oleh sesiapa sahaja sama ada di istana, di mahligai mewah, di rumah teres, di flat sempit, mahupun di kaki lima.

Sekali imbas ia seolah-olah mengajar kita menjadi pasif. Tetapi sebenarnya tidak. Sebaliknya ia mengajar kita untuk menjadi ‘kaya’ dalam erti kata sebenar.

Tidak salah kita mengimpikan sesuatu yang belum ada kerana ia adalah dorongan untuk kita berusaha.

Tetapi impian yang melampau akan menzahirkan dorongan yang keterlaluan sehingga akhirnya menjerut diri sendiri.

Ia mungkin memberikan kita kekayaan harta benda, tetapi pada masa yang sama mencampakkannya ke kancang kemiskinan rohani.

Akhirnya kita menjadi keliru

material, namun miskin hati nuraninya. Mereka ini termasuk dalam kelompok yang malang, yang akan terus hidup dalam keresahan walaupun hartanya melimpah ruah.

Keempat dan terakhir adalah kelompok yang miskin harta benda dan miskin juga jiwa raganya. Inilah kelompok yang paling teruk dan parah. Mereka rugi di dunia dan rugi juga di akhirat.

Lazimnya, semua orang berhajat untuk berada dalam kelompok pertama.

Namun jika tidak mampu, berusahalah berada dalam kumpulan kedua.

Tidak mengapa jika tiada harta, namun yakinlah bahawa jiwa yang kaya dengan sendirinya akan menjadi magnet yang menarik kekayaan-kekayaan lain.

Tidak sukar untuk menyemari benih kekayaan pada rohani. Ia lebih mudah dan lebih murah daripada mengikuti kelas-kelas motivasi.

Yang penting adalah melaksanakan segala perintah-Nya dan pada masa yang sama mengorbankan kebiasaan-kebiasaan yang melalaikan.

Jika Nabi Ibrahim a.s. bersedia mengorbankan puteranya Ismail atas nama kepatuhannya kepada Allah, apalah sangat dengan mengorbankan kebiasaan-kebiasaan yang tidak menguntungkan itu.

Kita harus sering bertanya pada diri jika takut menuai badai, kenapa harus ditanam angin?

Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan

SAJAK

LABUAN WILAYAH HATI KAMI

Labuan mutiara hati kekal dulu dan kini mencorak langkah terus berbakti demi rakyat sang sejati kerana rahmat dari Ilahi pulau ini terus berdiri rakyat wilayah ceria berwarna-warni pelbagai bangsa dan agama dianut menadah tangan penuh syukuri kerana memberi segala rezki untuk terus hidup dalam harmoni

Gabriel Kimjuan
Taman Mutiara,
Labuan, Malaysia

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Istimewanya RumahPrihatin@GrandSeasons

PELBAGAI usaha dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang diterajui oleh Tan Sri TPr Annuar Musa untuk meringankan beban warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Pelbagai bantuan kewangan dan makanan disediakan. Pada masa sama program vaksinasi juga dijalankan dengan agresif untuk menyentuh seramai mungkin warga Wilayah dalam masa sesingkat mungkin. Matlamatnya untuk mencapai imuniti kelompok atau *herd immunity* pada Ogos.

Terbaru, inisiatif RumahPrihatin@GrandSeasons pula dilaksanakan dengan kerjasama Hotel Grand Seasons, Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Matlamatnya untuk mengawal penularan pandemik COVID-19 sejajar dengan Pelan Pemuliharaan Negara (PPN).

Mula beroperasi secara berperingkat mulai 15 Julai, ia akan menyalurkan kegiatan sukarela berkaitan pengawalan penularan COVID-19, khususnya bagi Wilayah Persekutuan.

Bagi Adi, usaha murni ini menyerlahkan komitmen berterusan kerajaan menangani COVID-19. Hotel Grand Seasons akan menjadi premis pusat koordinasi dan rawatan yang berkongsep hotel kebajikan.

Memetik Annuar, premis berkenaan akan menghimpun, menyelaras dan merawat mereka yang terkesan akibat COVID-19, sejajar dengan konsep Wilayah Cakna dan Wilayah Prihatin.

Adi difahamkan, lima komponen RumahPrihatin@GrandSeasons merangkumi Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Khidmat Vaksin Prihatin dan Pusat Gerakan Jejak Prihatin.

Dapur Prihatin akan menyediakan 1,000 pak makanan percuma sehari. Sasarannya ialah golongan fakir miskin, gelandangan dan petugas barisan hadapan serta musafir yang tidak berkemampuan.

Bilik Penginapan Prihatin melaksanakan konsep Bayar Minimum Sekadar Mampu (BSM). Golongan musafir, perantau dan individu-individu yang diwajibkan menjalani kuarantin serta tidak berkemampuan boleh menginap di Grand Seasons selaras dengan konsep BSM.

Khidmat Kesihatan Mental Prihatin pula menyediakan khidmat kaunseling kepada individu yang memerlukan sokongan emosi secara perseorangan dan menjaga kerahsiaan peribadi.

Pusat Gerakan Jejak Prihatin merupakan pusat sehenti menyelesaikan aduan rakyat, juga aktiviti kemasyarakatan sukarelawan oleh Sukarelawan



BILIK Penginapan Prihatin yang disediakan akan memberi keselesaan kepada penghuni.

Wilayah Prihatin (PriVo), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Khidmat Vaksinasi Prihatin pula menyasarkan golongan Kurang Upaya, terlantar dan memerlukan bantuan khas, penjaga, peniaga, penjaja dan gelandangan.

Meneliti perkhidmatan yang disediakan, Adi percaya ia akan benar-benar menepati konsep 'prihatin' yang menjadi terasnya. Semoga apa yang disasarkan melalui inisiatif ini akan beroleh kejayaan.

Syabas kepada KWP dan Hotel Grand Seasons.

APABILA SATU PINTU SUDAH TERTUTUP...

Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Ketika keadaan sangat mencabar, hanya yang kuat semangat dan kalis cabaran dapat bertahan dan maju ke hadapan meneruskan kehidupan. Mereka terus berusaha memastikan makanan untuk keluarga tetap ada di atas

meja. Jika ada bantuan itu adalah bonus dan rahmat.

Adi bangga dengan semangat kental sebahagian daripada anggota masyarakat, khususnya warga Wilayah Persekutuan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Ramai kehilangan kerja dan sumber pendapatan apabila tempat mencari rezeki ditutup lantaran tidak tahan menanggung tempias pandemik, terutama apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasaikan.

Akibatnya, kehidupan yang biasanya teratur menjadi tidak lancar lagi. Jika sebelum ini ada pendapatan setiap bulan untuk keperluan diri dan keluarga, tiba-tiba kesemuanya kini lenyap. Hidup menjadi sukar, berserabut dengan pelbagai kebimbangan.

Bukan setakat memikirkan makan minum, tetapi banyak perkara lain mesti diambil kira. Bagaimana untuk membayar sewa rumah atau ansuran bulanan rumah kepada bank, ansuran kendaraan, keperluan persekolahan anak-anak dan pelbagai lagi.

Ada yang cepat merintih dan putus asa. Namun tidak kurang pula yang menerima takdir dengan positif serta mencari jalan meneruskan kehidupan.

Bagi Adi, mereka ini adalah kelompok yang percaya apabila satu pintu tertutup, banyak pintu lain terbuka. Apabila satu sumber rezeki tertutup, insyaAllah ada sumber lain dianugerah oleh Allah. Yang penting mesti berusaha dan beriktiar.

Warga Wilayah Persekutuan yang terjejas dengan pandemik COVID-19 wajar bersyukur kerana Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa, sangat komited membantu mereka. Bantuan yang diberi bukan sahaja 'memberi ikan', tetapi juga memberi mereka pancing agar boleh memperoleh ikan sendiri.

Justeru selain bantuan berbentuk kewangan dan makanan bagi meringankan kesusaahan mereka yang terlibat, KWP juga memberi bantuan jangka panjang agar mereka boleh berdikari dan tidak terus mengharapkan bantuan sepanjang masa.

Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KWP ialah menyediakan peluang-peluang berniaga kepada mereka yang terjejas.

Lebih 1,000 kios perniagaan disediakan di Wilayah Persekutuan, termasuk dalam pusat membeli belah, untuk mereka yang ingin berniaga.

Kadar sewa sangat munasabah dan mereka bebas memilih jenis barang yang hendak dinaikan menurut kesesuaian tempat. Menyedari ramai daripada mereka ini tidak berpengalaman dalam perniagaan, latihan asas juga disediakan.

Malah latihan ini juga diberi kepada bekas penagih yang telah dipulihkan serta gelandangan yang selama ini berkeliaran di ibu negara dan mengharap belas ihsan ramai untuk hidup. Dengan latihan yang diberi, bolehlah mereka mengubah kehidupan menuju ke arah lebih baik dan tidak terus menjadi kelompok minta-minta.

Selain itu, KWP juga memperkenalkan Inisiatif Wilayah Bebas BERNIAGA (IWBB). Berdasarkan konsep ini yang bermula pada April 2020 dan kini dilanjutkan hingga Disember 2021, warga Wilayah Persekutuan bebas berniaga di lokasi pilihan yang dianggap sesuai.

Mereka boleh membuka warung atau kedai dan berniaga barang pilihan sendiri. Syaratnya mestilah meminta lesen sementara daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Lokasinya mesti tidak

“ **Adi difahamkan, lima komponen RumahPrihatin@GrandSeasons merangkumi Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Khidmat Vaksin Prihatin dan Pusat Gerakan Jejak Prihatin.**

mengganggu pergerakan orang ramai, tidak menghalang lalu lintas dan kawasan parkir serta mengamalkan kebersihan sepanjang masa.

Bantuan berniaga inilah yang diharapkan oleh KWP dan Annuar untuk melahirkan kumpulan peniaga berjaya untuk diri dan keluarga. Yang penting mereka yang terlibat mesti komited dan berusaha bersungguh-sungguh untuk maju serta tidak mudah tunduk kepada cabaran dan ujian,

Bagi Adi inilah bentuk bantuan yang lebih bermakna dan untuk jangka masa panjang daripada hanya mengharapkan bantuan berkala. Bukan maksud Adi bantuan berkala tidak wajar diberi dan diterima, tetapi bantuan jangka panjang sebenarnya lebih menjamin kesinambungan hidup. Ini kerana bantuan kerajaan juga ada hadnya.

Oleh itu Adi berharap mereka yang terjejas dengan COVID-19 dan terputus sumber rezeki, berusahalah untuk berdaya maju. Jadikanlah kepayahan itu sebagai semangat untuk bangun semula memperbaiki diri. Gunakan sebaik-baiknya bantuan yang diberi oleh KWP untuk meraih kejayaan. Itulah balasan terbaik atas segala usaha KWP.

Ingatlah, rajin dan usaha tangga kejayaan.

- Adi Tuah

Adi Tuah

MAKLUMAN AWAM

BAYARAN GKP 3.0 UNTUK 1 JUTA PKS MIKRO YANG LAYAK

Melibatkan peruntukan RM1.5 BILION

RM1,500 untuk setiap PKS mikro yang layak

RM1,000 hasil dikreditkan ke akaun penempahan pada pertengahan Jun 2021

TAMBAHAN RM500 diberikan melalui Paket PEMERKASA-bantuan berdaya maju di mulai 12 Julai 2021

PAKEJ pemulih

BAYARAN TAMBAHAN RM500 di bawah GKP 4.0

Melibatkan penempahan sedar ada & peneka tarikh

Akan dikreditkan pada SEPT & NOV 2021

PKS mikro YANG TIDAK PERNAH TERIMA GKP bantuan mulai 15 - 31 JULAI 2021

Persetujuan dan pinjaman mudah PKS mikro sebanyak RM2.9 BILION ditawarkan mulai :

RM8.6 BILION hasil terdiri di bawah Bank Negara Malaysia

Inti sebagai persediaan / perancangan jenama pinjaman dan pinjaman

Dana pinjaman melalui PKS & PKS mikro berdaftar di bawah Bank Negara Malaysia

Inti termasuk dana tambahan Paket PEMERKASA-bantuan berdaya maju (RM2 BILION) & Paket PEMULIH (RM2 BILION)

Maklumat lengkap mengenai dana & bantuan boleh lihat <https://belanjawan.2021.treasury.gov.my/makta/>

Sumber : Menteri Kewangan Tinggi Dalam Setiausaha Negara, Kuala Lumpur

SAJAK

CERITA PAGI

Pagi yang datang seperti kain buruk dia biarkan tersandar di dinding tanpa sapaan hanya melafalkan doa suatu hari nasib berubah tenggelam malam timbul siang berjayakah hidup? Mana mahunya sungai mengalir ke hulu, tak ada keajaiban melainkan giat berusaha hanyiran tubuh dengan darah dan keringat

Namun setiap pagi aku terbangun lalu meruntun mimpi hidup dipenuhi sejuta bunga

Mohd Adid Ab Rahman
Selandar
Julai 2021

YWP hargai kerjasama penyumbang, MPPWP

83,200 kampit beras diagih - Zaizalnizam

AINI MAWAWI

SEJUMLAH 83,200 kampit beras di bawah program MYBeras@Wilayah berjaya diedarkan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan bermula Februari 2021 hingga Mei lalu.

Pelaksanaan program tersebut amat menggalakkan dengan penyertaan rakan-rakan strategik serta badan-badan korporat dalam menyalurkan sumbangan bagi membantu golongan terkesan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0).

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, kerjasama yang terjalin di antara semua pihak yang terlibat menjadikan program tersebut berjalan lancar.

"Alhamdulillah, saya berbesar hati dengan keprihatinan semua



**YAYASAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

pihak dalam menjayakan program MYBeras. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang sentiasa bersama menyalurkan sumbangan dan bantuan dari segi kewangan.

"Selain itu, tidak lupa juga sumbangan daripada badan-badan korporat yang tidak putus-putus menyumbang untuk program ini. Sumbangan mereka amat dihargai," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, keprihatinan semua pihak dapat meringankan sedikit beban yang dipikul warga Wilayah Persekutuan yang tidak bernasib baik dalam situasi pandemik ketika ini.

"Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP)



ZAIZALNIZAM (kanan) menyampaikan sumbangan MyBeras kepada penduduk terjejas.

yang menguruskan pengedaran beras secara terus kepada rakyat juga perlu dipuji di atas kecekapan mereka.

"Untuk masa hadapan, saya berharap semua pihak dapat bekerjasama lagi dalam menyalurkan sumbangan untuk membantu

golongan memerlukan ini," kata Zaizalnizam yang turut memuji kakinan YWP yang komited turun padang membantu.

Terdahulu, YWP bertindak mengurus pembekalan dan sumbangan beras sempena program yang diilhamkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Bantuan yang diberikan berupa satu kampit beras lima kilogram bagi setiap keluarga yang layak.

Dalam pada itu, menurut Zaizalnizam, YWP kini fokus kepada program RumahPrihatin@GrandSeasons yang diilhamkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan pentadbirannya oleh YWP.

"Banyak komponen di dalam program tersebut yang perlu diberi perhatian antaranya Dapur Prihatin (DP), Bilik Penginapan Prihatin (BPP), Klinik Kesihatan Mental Prihatin (KKMP) dan sebagainya," ujar beliau. WK

Grab bantu ibu tunggal jana pendapatan, urus anak-anak

NAZWIN NAZRI

WAKTU kerja yang fleksibel mendorong ibu tunggal kepada tiga orang anak, menyertai pasukan penghantar makanan di bawah kelolaan Grab Malaysia.

Ini kerana, kata **Nazleen Zulkiflee**, pekerjaan sebelumnya sebagai pengendali makanan, menyukarkannya meluangkan masa bersama anak-anak yang berusia 9 hingga 14 tahun.

"Pendapatan juga kurang memuaskan. Banyak yang perlu saya sekat untuk meneruskan hari-hari mendatang.

"Disebabkan itu, saya menyertai Grab kerana saya tertarik dengan waktu kerjanya yang sangat fleksibel dan memudahkan saya untuk menguruskan anak-anak.

sibel dan memudahkan saya untuk menguruskan anak-anak.

"Kebetulan, saya juga sangat suka menaiki motosikal. Dari segi kewangan pula, Grab sangat membantu," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurut Nazleen lagi, dorongan daripada rakan-rakan menyebabkannya lebih terbuka dan positif untuk terus menyertai pasukan penghantar makanan secara sepenuh masa.

Mengulas tentang keadaan semasa yang semakin getir ini, ujarnya, sejak menjadikan Grab sebagai mata pencarian, kehidupannya lebih terurus dan mempunyai masa bersama anak-anak.

"Kehidupan lebih terurus khususnya masa bersama dengan

anak-anak kerana waktu kerja Grab sangat fleksibel. Kewangan saya juga berubah daripada dulu," ujarnya gembira,

Ekoran itu, Nazleen menggalakkan anak muda terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau individu yang belum mempunyai pekerjaan dan terjejas pendapatan untuk menceburi kerjaya yang ditawarkan Grab Malaysia.

"Saya sangat menyokong sesiapa yang terjejas pendapatan untuk cuba menceburi Grab kerana ia telah berjaya mengubah kewangan dan kehidupan saya.

"Saya juga boleh merancang jadual sendiri supaya saya dapat menjaga anak-anak sambil menjana pendapatan," jelasnya. WK



TUGASAN menghantar makanan menjadi kerjayanya sepuh masa.

NAZLEEN berpeluang meluangkan masa bersama anak-anaknya selepas menyertai pasukan penghantar makanan Grab.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA DALAM E-PAPER

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN (E-PAPER)

FULL PAGE	26cm X 33cm	RM500
HALF PAGE	26cm X 17cm	RM300
QUARTER PAGE	12cm X 17cm	RM200
PANEL PAGE [INNER]	26cm X 6cm	RM200

KADAR HARGA IKLAN (PORTAL ONLINE)

Wilayah Ku	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
Wilayah Ku	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
Wilayah Ku	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000
Wilayah Ku	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500

DITERBITKAN 2 KALI SEMINGGU

MENCAPAI 200,000 PEMBACAA SETIAP EDISI

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)
Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)
Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)
Alamat:
Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

RM10

Kadar pematuhan SOP Putrajaya melonjak 96 peratus



AINI MAWAWI

KADAR pematuhan prosedur operasi standard (SOP) orang awam di Putrajaya sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun ini meningkat dua peratus berbanding tahun lalu.

Menurut Pengarah Bahagian Penguasaan Perbadanan Putrajaya (PPj), **Mohd Ali Jusoh**, kadar purata pematuhan 2021 adalah 96 peratus berbanding tahun lalu yang mencatatkan 94

peratus.

"Selari dengan kadar pematuhan yang tinggi, sehingga kini PPj belum mengeluarkan sebarang kompaun kepada orang awam. Bagaimanapun sejumlah 1,329 amaran lisan telah dikeluarkan sepanjang tahun ini," ujarnya.

Pemantauan pematuhan SOP yang dilaksanakan turut melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

"Ia dilakukan setiap hari sejak PKP dilaksanakan pada Mac 2020 yang melibatkan dua syif bermula 8

pagi hingga 12 tengah malam dengan purata anggota antara 30 hingga 60 orang setiap syif.

"Kita memberi tumpuan lebih pada lokasi 'hotspot' yang berisiko berlaku jangkitan iaitu lokasi tumpuan orang awam seperti pasar awam, pasaraya, medan selera dan kedai-kedai menjual barang keperluan harian.

"Lokasi-lokasi ini agak berisiko kerana orang awam cenderung untuk bersesak dan mengabaikan SOP sekiranya tidak dipantau," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Dengan pelaksanaan PKP 3.0, PPj dengan kerjasama PDRM juga



SESI taklimat sebelum operasi bermula.

telah meningkatkan kawalan akses keluar masuk ke Putrajaya dengan menambah baik sekat jalan raya (SJR) termasuk menutup 'laluan tikus' untuk mengurangkan orang awam yang cuba-cuba merentas daerah tanpa kebenaran.

"Selain hebahan awam melalui sosial media dan audio peringatan di kawasan tumpuan awam, PPj juga melalui Bahagian Komuniti telah melancarkan kempen

kesedaran berkaitan COVID-19 dengan melibatkan komuniti melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) masing-masing.

"Kita juga telah melaksanakan sebanyak 17,926 sanitasi lokasi sepanjang tahun ini yang mana sebahagian besarnya melibatkan medan selera, pasar awam, pejabat kerajaan, kediaman, premis perniagaan dan juga sekolah-sekolah," kata beliau. **WK**

RM500 'ubat kelesuan' penduduk Putrajaya



WANG tunai sehingga RM500 menanti komuniti Putrajaya yang kreatif menghasilkan video sempena pertandingan Video Kreatif Stay At Home Komuniti Putrajaya.

Pertandingan yang dianjurkan Bahagian Perkhidmatan Komuniti, Perbadanan Putrajaya (PPj) di bawah inisiatif program pemerksaan komuniti ini adalah untuk menggalakkan warga komuniti berkongsi aktiviti berfaedah yang boleh dilakukan ketika mereka mematuhi arahan

untuk kekal duduk di rumah.

Di samping itu, ia turut memberi peluang kepada komuniti Putrajaya untuk menyerlahkan kreativiti dan bakat mereka dalam penghasilan video.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Komuniti Jabatan Perkhidmatan Bandar, PPj, **Rosli Abdul Talib**, pihaknya turut mengambil maklum akan keadaan komuniti yang mula merasai kesan 'kelesuan pandemik'.

"Selain mengurangkan kesan

'kelesuan pandemik' dalam kalangan komuniti, pertandingan ini juga dilihat berupaya untuk menjadi salah satu kaedah terbaik dalam merapatkan hubungan di antara ahli keluarga secara tidak langsung membantu pengukuhan institusi kekeluargaan," ujar beliau.

Justeru, peserta pertandingan dikehendaki memuat naik video yang telah dihasilkan di platform laman sosial masing-masing bermula 8 Julai 2021 dan akan berakhir pada 23 Julai 2021.

"Perkongsian video kreatif ini diharapkan boleh menjadi sumber inspirasi ataupun rujukan kepada orang ramai yang mungkin masih tercari-cari aktiviti bersesuaian dan berfaedah yang boleh dilakukan mereka bagi mengisi masa lapang ketika berada di rumah," kata beliau.

Peserta perlu memuat naik

hasil video aktiviti sehari di rumah sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di laman sosial Instagram/Facebook dan pastikan akaun dalam mod publik atau terbuka.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **012-2524852 (Adha)**, **012-2515879 (Syukri)** dan **018-2623831 (Asizan)** untuk maklumat lanjut. **WK**

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

- 1) Terbuka kepada warga Putrajaya sahaja dan penyertaan adalah **percuma**.
- 2) Tema & mesej: Aktiviti menarik/berfaedah sewaktu PKP.
- 3) Peserta boleh menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- 4) Durasi video mestilah tidak melebihi 2 minit, termasuk montaj dan kredit.
- 5) Pertandingan bermula pada 8 Julai 2021 dan akan berakhir pada 23 Julai 2021. Jangan lepaskan peluang ini!
- 6) Peserta perlu memuat naik hasil video di laman sosial **Instagram/Facebook** dan pastikan akaun anda dalam mod publik atau terbuka.
- 7) Peserta perlu masukkan nama penuh
- 8) Setiap penyertaan diwajibkan untuk meletakkan tanda pagar (#) seperti dibawah pada post anda:
 - a) **#stayhomekomunitiputrajaya**
 - b) **#pertandinganvideoekreatif**
 - c) **#perbadananputrajaya**
- 9) Peserta dinasihatkan agar tidak menyentuh sensitiviti isu agama, kaum dan politik dalam penghasilan video.
- 10) Sila pastikan penghasilan video anda mematuhi SOP PKP 3.0 yang sedang berkuatkuasa.
- 11) Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak.
- 12) Keputusan juri adalah muktamad.

Pertandingan Video Kreatif

STAY AT HOME

Komuniti Putrajaya

TARikh PERTANDINGAN
8 JULAI 2021 - 23 JULAI 2021

SILA IMBAS QR CODE UNTUK PENDAFTARAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN.

TEMPAT PERTAMA RM500 TEMPAT KEDUA RM400 TEMPAT KETIGA RM300 TEMPAT EMPAT RM200 TEMPAT KES-15 RM100

Maklumat lanjut sila hubungi:
En. Adha : 012-252 4852
En. Syukri : 012-251 5879
Pn. Asizan : 018-262 3831

#stayhomekomunitiputrajaya #pertandinganvideoekreatif #perbadananputrajaya

Twitter: putrajayacorp Facebook: putrajaya Instagram: perbadananputrajaya



Dr Kenny Voon

Pakar virologi dan pensyarah di International Medical University (IMU) memberi pencerahan mengenai proses mutasi sesuatu virus dan perwatakannya

UNGKAPAN mutasi sahaja sudah cukup untuk menimbulkan bayangan ngeri di mana virus bermutasi semata-mata untuk membunuh manusia dan memerintah bumi.

Adakah anda masih ingat kepada kisah *Godzilla* dan *Tomato Man* yang terjadi akibat proses mutasi?

"Sebenarnya, mutasi virus berlaku apabila virus mencari peluang untuk kewujudan bersama tubuh manusia. Virus bermutasi untuk kelangsungan hidup, bukan untuk membunuh. Ia cuba menyesuaikan diri dengan tubuh manusia," jelas Dr Kenny Voon.

"Manusia adalah hos/perumah untuk virus dan kita membantu virus untuk merebak lagi. Vi-rus tidak mahu membunuh manusia, iaitu perumahnya. Jika perumahnya mati, maka kewujudan bersama akan berakhir. Oleh itu, sebab utama mutasi virus bukan untuk menambah kekuatannya," tambah beliau.

Kadar kematian adalah tinggi pada peringkat permulaan ketika sesuatu virus merebak daripada satu spesis ke spesis yang lain, kerana virus itu masih belum menyesuaikan diri dengan perumah baharu.

Contohnya, selesesa mungkin satu virus yang menjangkiti dan mengancam manusia dan juga membawa kesengsaraan teruk pada masa dahulu, tetapi kini ia hanya berlangsung wujud bersama manusia, ujar beliau.

"Hasil kajian makmal menggunakan tikus Syria yang membandingkan kadar kebolehjangkitan dan keperitan varian SARS-CoV-2 menunjukkan bahawa walaupun virus COVID-19 lebih mudah dijangkiti, ia tidak menjadi lebih membahayakan," kata Dr Kenny.

Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mungkin kurang tepat kerana ianya hasil daripada ujikaji makmal.

Cara virus berinteraksi dengan manusia di dalam dunia realiti mungkin berbeza.


Contohnya varian Delta (India). Varian itu dikatakan lebih berbahaya kerana terdapat peningkatan dalam kes kematian. Meskipun begitu, melalui ujian makmal, varian itu didapati tidak menjadi lebih berbahaya.

"Keputusan yang lebih tepat hanya boleh diketahui setelah kita mendapat lebih maklumat daripada sampel masyarakat umum," jelas Dr Kenny.

HALA TUJU SESUATU VIRUS

Dr Kenny turut memberi pencerahan mengenai perkembangan virus COVID-19 daripada kelawar kepada manusia. Virus asal dalam sesuatu spesis dikenali sebagai "virus keturunan".

Mengenali mutasi COVID-19



APAKAH KESAN VARIAN KEPADA KITA?

Menurut Dr Kenny, pada asasnya, situasi masih kekal sama.

"SOP yang ditetapkan masih perlu dipatuhi. Mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan sosial masih dapat memberikan perlindungan seperti sebelum ini. Tiada perubahan dalam perkara ini. Virus mungkin merebak dengan lebih pantas, tetapi pematuhan kepada SOP yang sama tetap dapat melindungi kita," kata Dr Kenny. Beliau turut menekankan bahawa vaksinasi adalah penting.

Maklumat baharu yang virus ini boleh tersebar melalui bawaan udara, dapat mendorong kita untuk meningkatkan sesuatu tabiat seperti pemakaian pelitup muka dua lapis dan kerap membersihkan pendingin hawa.

"Virus boleh tersebar melalui bawaan udara kerana kedua-dua virus dan titisan air yang dilekap olehnya adalah tersangat halus.

Jadi kedua-duanya dapat bercantum dengan partikel-partikel dalam udara. Partikel-partikel ini berukuran kurang daripada 2.5 mikron, ini yang membuatkan ia boleh berlepas dalam udara," jelas Dr Kenny.

PENJUJUKAN VIRUS

Walaupun ramai warga Malaysia sudah menerima vaksin, ini mencetuskan perbincangan akan kemungkinan wujudnya virus tempatan yang telah berjaya mengatasi/melawan vaksin tersebut.

"Ya, terdapat anggapan tentang kewujudan virus tempatan tetapi kita hanya dapat memastikannya jika penjujukan genetik yang menyeluruh dijalankan. Kami masih mempunyai data daripada tahun lepas, tetapi ia mungkin sudah berubah pada tahun ini," kata Dr Kenny.

Kos penjujukan sangat tinggi. Harga satu sampel boleh mencecah 10 atau 20 kali kos ujian RT-PCR. Disebabkan itu, Malaysia tidak mempunyai data penjujukan yang banyak seperti UK, Cina dan Amerika Syarikat.

"Kita perlu memaksimumkan sumber yang terhad," kata Dr Kenny, sambil menegaskan bahawa negara harus mementingkan program vaksinasi dan baik pulih ekonomi. "Di Malaysia, penjujukan hanya dibuat mengikut keperluan," kata

beliau.

Walau bagaimanapun, proses mengesan varian-varian berbeza masih penting kerana ia dapat membantu kita untuk memastikan vaksin sekarang dan vaksin baru kekal berkesan.

JANGKITAN SELEPAS MENERIMA VAKSIN

Mutasi varian baharu bukan satu-satunya sebab bagi jangkitan semula selepas vaksinasi.

"Selepas dos pertama dan kedua, anda masih perlu mengambil langkah berjaga-jaga. Tubuh kita mengambil masa empat hingga enam minggu untuk membina antibodi. Pada waktu ini, tubuh anda hanya memfokus kepada vaksin yang telah diambil, jadi ini akan menyebabkan anda lebih terdedah kepada jangkitan lain," kata Dr Kenny.

Adakah vaksin membantutkan penularan virus? Setengah data menunjukkan bahawa vaksin menurunkan kadar kebolehjangkitan iaitu virus berganda dengan kadar yang lebih rendah di kalangan mereka yang telah divaksin.

Akan tetapi, pakar penyelidik masih belum memastikan bahawa pengurangan penggandaan ini mencukupi untuk mengurangkan penularan virus.

"Kita tidak tahu jumlah virus yang diperlukan untuk seseorang menjangkiti orang lain. Mungkin virus ini masih boleh tersebar walaupun dengan jumlah kecil. Ia sukar untuk dikenalpasti kerana setiap orang mempunyai kekuatan sistem imun yang berlainan," jelas Dr Kenny.

Beliau juga turut menyatakan walaupun data daripada komuniti masih dikumpul secara berterusan terdapat terlalu banyak pemboleh ubah di luar kawalan seperti sistem imun seseorang dan faktor persekitaran seperti cuaca.

MELANGKAH KE HADAPAN

Para saintis masih giat menyelidik virus COVID-19

Covid-19 Virus: From Alpha to Kappa

Variant of Concern			Variant of Interest		
WHO Label	Lieage	First documented samples	WHO Label	Lieage	First documented samples
α Alpha	B.1.1.7	UK September 2020	E Epsilon	B.1.427/ B.1.429	USA March 2020
β Beta	B.1.351 B.1.351.2 B.1.351.3	South Africa May 2020	ζ Zeta	P.2	Brazil April 2020
γ Gamma	P.1 P.1.1 P.1.2	Brazil November 2020	η Eta	B.1.525	Multiple December 2020
δ Delta	B.1.617.2 AY.1 AY.2	India October 2020	θ Theta	P.3	Philippines January 2021
ι Iota	B.1.526	USA November 2020	κ Kappa	B.1.617.1	India October 2020
λ Lambda	C.37	Peru December 2020			

Source: World Health Organization

Nasib Pak Belang

AL HARITH RUSYAIID AHMAD
NAZLI AL JEFRY DAN DR.
HASMAHZAITI OMAR

PADA 27 Mei 2019 negara kita digemparkan dengan kematian Tam, badak Sumatera jantan terakhir di Malaysia.

Namun, berita sedih ini tidak terhenti di situ sahaja. Iman, badak Sumatera betina terakhir di Malaysia pula menghembuskan nafasnya pada 23 November 2019.

Dalam satu kenyataan media, menurut Timbalan Ketua Menteri Sabah, **Datuk Christina Liew** berkata, "Iman telah lama menderita akibat ketumbuhan dalam rahim".

Hal ini amat mendukacitakan ramai rakyat Malaysia kerana kita masih kekurangan pakar dalam membantu pemuliharaan hidupan liar secara ex-situ.

Lantas perkara ini menyebabkan badak sumbu Sumatera terus lenyap di bumi Malaysia.

Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera tigris jacksoni* merupakan spesies yang hanya wujud di hutan Semenanjung Malaysia.

Selain itu, harimau lain yang terdapat di dunia termasuk harimau Siberia, harimau Indochina, harimau Bengala dan harimau Sumatera.

Harimau Malaya mempunyai berat purata 120 kilogram, dan panjangnya pula boleh mencapai sehingga 2.4 meter.

Haiwan yang juga digelar sebagai "Pak Belang" ini tergolong dalam kumpulan karnivor iaitu haiwan pemakan daging yang dietnya bergantung kepada sumber yang wujud di hutan seperti babi hutan, rusa sambar, kancil, kijang dan seladang.

Buruan pada mangsa berlaku pada waktu malam dimana haiwan ini adalah nokturnal iaitu aktif bergerak di waktu malam.

Pada siang hari pula, haiwan ini banyak menghabiskan masa dengan tidur. Tempoh tidurnya lama sehingga boleh mencapai 15 jam.

Harimau adalah haiwan unik kerana belang mereka berfungsi seperti cap jari manusia dan corak belang pada setiap spesies harimau adalah berbeza-beza.

Harimau Malaya mampu hidup di kebanyakan hutan di Malaysia tetapi berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan, terdapat 3 habitat utama iaitu di Taman Negara Endau-Rompin (Johor Pahang), Taman Negara (Pahang) dan Taman Negeri Royal Belum (Perak).

Pada tahun 1950, kira-kira lebih 3000 ekor jumlah harimau

wujud di negara kita.

Namun, pada tahun 2014 bilangannya dianggarkan sebanyak 250 hingga 340 ekor sahaja dan data terkini menunjukkan bahawa hanya tinggal kurang 200 ekor harimau liar di hutan Malaysia.

Kini, harimau Malaya diklasifikasikan di bawah kategori 'Critically Endangered' dalam rekod IUCN Red List (*The International Union for Conservation of Nature Red List of Threatened Species*).

Manakala, di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), harimau Malaya dikategorikan di bawah haiwan "Dilindungi Sepenuhnya (Jadual 2)".

Pasti tertanya-tanya, bagaimana bilangan harimau Malaya di Malaysia berkurangan dengan cepat sejak kebelakangan ini?

Secara umum, harimau adalah haiwan liar yang mempunyai permintaan yang sangat tinggi di pasaran gelap.

Hal ini menyebabkan mereka giat diburu secara haram. Ini kerana, anggota badan harimau adalah sangat berharga.

Sesetengah masyarakat berpendapat daging, darah dan organ harimau baik untuk kesihatan walaupun tiada fakta yang mengesahkan kebenarannya.

Manakala terdapat pula kumpulan peminat pada makanan eksotik.

Tulang harimau digunakan dalam pembuatan arak yang dikatakan mampu untuk menyembuhkan pelbagai penyakit seperti memberi kekuatan tenaga dalam dan memanjangkan usia.

Ada pula golongan yang mempercayai kuku dan giginya pembawa tuah dan dijadikan tangkal.

Selain itu, kepala harimau dan kulitnya diperdagangkan untuk tujuan trofi dan barang hiasan untuk jualan kepada golongan kaya.

Penebangan hutan secara besar-besaran untuk pembukaan bandar dan penempatan juga merupakan faktor utama populasi harimau Malaya semakin berkurangan.

Kesan lain juga berlaku disebabkan oleh pembalakan haram. Bukan sahaja harimau, malah hidupan liar lain juga terkesan akibat daripada aktiviti-aktiviti seperti ini.

Haiwan di hutan terpaksa berpindah ke kawasan yang baru untuk mendapatkan sumber makanan dan perlindungan.

Apabila haiwan-haiwan mangsa ini berpindah, sumber makanan harimau juga turut berkurangan.



Disebabkan itu, harimau mencari kawasan baru yang memudahkannya untuk mendapatkan makanan.

Di sinilah timbulnya beberapa kes yang dilaporkan berlaku kejadian harimau menceroboh kawasan kampung dan mengganggu penduduk.

Akibat lapar, harimau menyerang haiwan ternakan penduduk kampung.

Bukan itu sahaja, kejadian serangan hendap harimau kepada manusia di kawasan ladang dan dusun sehingga membawa kepada kematian juga pernah dilaporkan di dalam berita dan keratan akbar.

Masyarakat di Malaysia mempunyai pandangan yang berbelah bahagi terhadap harimau.

Mereka akan lebih mengutamakan keselamatan diri sekiranya haiwan ini menceroboh kawasan kediaman dan ladang ternakan.

Dengan ciri haiwan ini yang bersifat ganas dan berbahaya kepada penduduk setempat, mereka khuatir ahli keluarga akan menjadi mangsa habuan makanan dan juga bimbang akan kerugian pada haiwan ternakan.

Dengan tindakan membunuh harimau, inilah yang difikirkan paling berkesan tanpa melihat kesan lain iaitu kepupusan.

Hal ini amat mengecewakan bagi sesetengah golongan masyarakat yang tahu akan kepentingan Pak Belang di negara ini.

Harimau diangkat dengan pelbagai kemegahan dan kebanggaan rakyat Malaysia melalui sifat yang ditonjolkan oleh perwatakannya.

Harimau Malaya merupakan haiwan kebangsaan Malaysia.

Ia melambangkan kekuatan, keberanian dan kekuasaan dan disebabkan itu harimau Malaya dipilih sebagai pelbagai logo pada badan-badan terkemuka seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia, Maybank, Proton dan Polis Diraja Malaysia.

situ bagi program pemantauan pembiakan spesies terancam.

Dahulunya program seperti ini berjaya dijalankan di Muzeum Melaka bagi membiak harimau akibat dari aktiviti pemburuan haram.

Program seperti ini perlu wujud kerjasama dari pelbagai pihak iaitu pakar penyelidik/akademik, veterinar dan pegawai hidupan liar itu sendiri bagi memastikan usahasama ini berjalan dengan lancar sebelum harimau dilepaskan semula ke hutan.

Oleh itu, amatlah digalakkan kepada orang ramai untuk menyalurkan sumbangan kewangan, makanan haiwan dan sukarelawan kepada pusat konservasi hidupan liar dan zoo bagi membantu meringankan beban pusat jagaan hidupan liar ditambah pula dimusim penularan wabak COVID-19 banyak memberi kesan buruk kepada ekonomi negara.

Akhir sekali, kita digalakkan untuk mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan Hari Harimau Sedunia iaitu pada 29 Julai pada setiap tahun.

Aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan di musim pandemik adalah dengan menjalankan pertandingan secara virtual bertemakan harimau seperti poster infografik, lukisan kreatif, bercerita, penulisan santai, rekacipta, rakaman video pendek dan mewarna.

Manakala bagi peringkat dewasa pula, wujudkan perbincangan melalui webinar, forum, dan penelitian pada penyelidikan harimau serta langkah kerjasama yang perlu diambil antara kumpulan penyelidik, kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat awam.

Kesimpulannya, Harimau Malaya merupakan ikon dan khazanah kebanggaan negara dan tugas untuk menyelamatkan mereka adalah tanggungjawab bersama.

Kita tidak mahu perkara sama berulang sepertimana yang berlaku pada badak sumbu Sumatera.

Oleh itu, rakyat Malaysia haruslah berganding bahu dan tidak hanya bergantung kepada pihak berkuasa untuk memelihara khazanah negara ini kerana, sekiranya Harimau Malaya pupus, tiada apa lagi yang boleh kita lakukan selain menyesal bak kata pepatah "sudah terhantuk, baru terngadah".

Penulis merupakan pelajarden pensyarah kanan di Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di zaiti_1978@um.edu.my



SEMASA negara sedang bergelut dengan pandemik COVID-19 yang belum menampakkan jalan untuk reda, muncul individu yang bermurah hati menawarkan sebuah hotel bertaraf 4 bintang sebagai pusat sehenti untuk membantu rakyat yang memerlukan.

Tawaran itu mencetuskan idea program Rumah Prihatin@Grand Seasons oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar



Musa yang mulakan operasi secara rasmi bermula 15 Julai 2021.

Program ini dibahagikan kepada enam perkhidmatan utama iaitu Dapur Prihatin, Bilik Penginapan Prihatin, Khidmat Vaksin Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Jejak Prihatin dan Food Bank.

Rumah Prihatin@Grand Seasons merupakan inisiatif tambahan yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan selain pelbagai bantuan lain yang telah disalurkan menerusi Wilayah Prihatin dan Wilayah Cakna. WK

Pengorbanan perlu berterusan



DEEL ANJER

APABILA tiba sambutan Hari Raya Aidiladha, kebiasaannya seluruh umat Islam menghayati kisah serta sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan anak baginda, Nabi Ismail AS.

Kisah ini mengingatkan kita mengenai erti kesabaran dan berlapang dada dalam menempuh kesukaran hidup.

Semangat serta nilai kesabaran inilah kita serapkan

dalam diri apabila semua rakyat Malaysia harus berkorban dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19.

Nampaknya bukan sedikit, tetapi besar pengorbanan yang rakyat pertaruhkan memandangkan kes COVID-19 semakin meningkat dan terkini melebihi 11,600 kes.

Para selebriti antara golongan yang turut terkesan sepetimana juga orang lain. Ini menuntut pengorbanan yang berterusan disusuli kekuatan iman.

NADIA BRIAN



Nadia Brian harap rakyat terus tabah

PELAKON sensasi Nadia Brian, 30, menganggap pengorbanan yang dilakukan rakyat Malaysia dalam mengekang penularan COVID-19 adalah sesuatu yang besar.

"Pengorbanan saya dan seluruh rakyat Malaysia dalam mematuhi SOP yang ditetapkan pihak kerajaan, nampak saja kecil tetapi ia sebenarnya satu pengorbanan yang amat besar.

"Bayangkan kita semua sudah melalui semua ini dari tahun lepas sehingga sekarang. Kalau tiada pengorbanan besar dan mental yang kuat, tidak mungkin kita boleh lalui semua ini."

"Apa yang ingin saya tekanan di sini adalah betapa pentingnya pengorbanan yang berterusan dan konsisten."

"Saya tahu cakap itu mudah, tetapi semangat kita bersama membuatkan kita jadi kuat. Jadi teruskanlah untuk bersabar, nescaya kita pasti berjaya," luah Nadia Brian yang rindu mahu berlakon.

Bagi Nadia, para penggiat seni juga mengorbankan kerjaya sendiri demi melihat negara pulih dari COVID-19.

"Walaupun saya rindu sangat nak berlakon, tapi terpaksa berkorban demi keselamatan kita bersama."

"Bukan hanya saya, semua penggiat seni melakukan pengorbanan ini demi memerangi COVID-19. Kami harus akur dan tidak boleh wujud rasa pentingkan diri kerana semua ini adalah untuk kebaikan bersama," ujarnya lagi.

Berjauhan dengan keluarga bukan mudah - Amira Othman

PENYANYI lagu *Surat Akhir*, Amira Othman, 27, menganggap berjauhan dengan keluarga antara pengorbanan yang berat sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

"Berbulan-bulan tak jumpa mak, ayah dan adik beradik yang lain di Johor Bahru. Rasa sedih dan rindu makin menebal apabila menjelang Hari Raya Aidiladha."

"Apa-apa pun saya perlu akur dengan keadaan tidak mengizinkan sekarang. Ini juga adalah rasa tanggungjawab sebagai rakyat yang perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) agar tidak bertambah kemudaratian."

"Saya tahu berjauhan dengan keluarga bukan mudah. Saya pasti ramai lagi yang korbankan perkara sama. Semoga pengorbanan ini Allah terima sebagai salah satu asbab kebaikan buat kita dunia akhirat," ujarnya.

Bercerita lanjut, Amira berkata, bukan senang berpisah dengan mak dan ayah tetapi apakan daya, tanggungjawab sebagai rakyat juga perlu diutamakan.

"Saya bangga dengan rakyat Malaysia yang berkorban perkara yang sangat sukar ini semata-mata mahu melihat negara kita kembali pulih," luahnya yang mengajak masyarakat berdoa agar kita dilindungi daripada wabak COVID-19.

AMIRA OTMAN

Kerja siang malam, pengorbanan luar biasa frontliner - Dafi

SELEBRITI terkenal, Dafi mengaku terharu dengan pengorbanan hebat para petugas barisan hadapan negara yang bekerja tanpa henti sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

"Mereka bekerja siang malam, ini satu pengorbanan luar biasa yang amat saya kagumi dan didahului dengan jutaan terima kasih. Hanya Allah yang mampu membalaunya."

"Saya sedih melihat mereka yang masih bertungkus lumus walaupun negara melalui saat-saat getir sekarang. Saya tahu dan sedar ia bukan sesuatu yang mudah."

"Mereka bukan sahaja sanggup mempertaruhkan nyawa demi memikul amanah yang diberi, malah semuanya komited dalam melaksanakan tugas mereka."

"Apa yang mereka utamakan adalah memastikan keselamatan dan kesihatan setiap penduduk terjaga sejak negara diserang wabak COVID-19," jelas Dafi yang juga anak kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.



Azharina harap pengorbanan rakyat bermakna

BAGI pelantun lagu *Elegi Sepi*, Azharina Azhar, 36, pengorbanan yang paling dituntut sekarang adalah menghadapi cabaran dalam mencari rezeki.

"Dalam kepayaan sekarang, ramai yang hidup susah apabila kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan. Saya tahu ia sangat perit apakah lagi mereka yang mempunyai keluarga."

"Saya sendiri sebagai artis juga menerima nasib seperti orang lain. Sudah berapa lama kami tidak dibenarkan membuat persembahan? Simpanan kami makin hari makin susut," katanya sambil menambah setiap yang berlaku menuntut sebuah pengorbanan.

Ini kerana, katanya, semua yang terkesan perlu memikirkan cara lain dalam meneruskan kelangsungan hidup.

"Buatlah apa sahaja, janji halal. Sukar atau tidak, pengorbanan perlu diteruskan dan kita tiada pilihan lain."

"Dalam masa sama, kita perlu perbaiki hubungan dengan Allah. Cari di mana kurangnya amalan kerana itu tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya," ujar Azharina. **W.K**



AZHARINA

Pengalaman disuntik vaksin

RYAN HO
PENERIMA VAKSIN COVID-19

Hai boleh saya bantu. Sini encik, arah sini ya. Encik duduk dulu, nanti kami akan panggil ya." Itu antara sapaan mesra petugas-petugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) kepada penerima yang hadir untuk divaksinasi.

Saya telah menerima dos pertama vaksin AstraZeneca pada 5 Mei manakala dos kedua pada 7 Julai 2021.

Setiap orang pasti akan melalui pengalaman yang berbeza di PPV masing-masing ketika melalui proses pemberian suntikan vaksin COVID-19 ini.

Pengalaman yang saya lalui semasa proses divaksinasi ini cukup membuatkan saya bangga dan gembira.

Mana tidaknya, proses yang hanya mengambil masa kira-kira 30 minit itu sangat cekap susun aturnya daripada mula sehingga ke langkah yang terakhir.

Saya akui, pada mulanya perasaan gementar untuk melalui proses tersebut memang wujud, tetapi perasaan itu hilang setelah menjelaskan kaki ke PPV kerana petugas dan sukarelawan yang bertugas di sana sangat membantu.

Tak sempat anda nak bertanya soalan, mereka sendiri yang akan datang kepada anda untuk menghulurkan bantuan.

Proses yang dilalui juga sangat cepat dan lancar.

Pertama, penerima akan diminta untuk menunggu sebentar sementara petugas memberi borang untuk diisi.

Butiran seperti nama dan nombor kad pengenalan diperlukan di dalam borang tersebut.

Kemudian, penerima akan pergi ke kaunter seterusnya untuk petugas memasukkan data ke dalam sistem komputer bagi tujuan penyimpanan data.

Ketika ini petugas akan bertanya dengan lebih lanjut mengenai pekerjaan, alahan ubatan dan membuat pengesahan butiran diri penerima vaksinasi.

Setelah selesai, penerima perlu pergi ke tempat yang dikhaskan untuk penerimaan vaksinasi.

Jangan bimbang, petugas dan sukarelawan akan berada di setiap bahagian dewan, anda pasti tidak akan 'sesat'. Jangan malu untuk bertanya, mereka pasti akan membantu.

Di dewan tersebut, penerima sekali lagi perlu ke kaunter yang disediakan bagi menandatangani borang yang telah diisi.

Ketika proses ini, petugas akan menerangkan kepada



PENULIS menerima vaksin di PPV WTCKL baru-baru ini

penerima mengenai jenis dan negara keluaran vaksin yang akan diterima. Petugas juga akan memberitahu mengenai selang masa dos vaksin pertama dan kedua.

Penerima boleh bertanya apa sahaja soalan jika terdapat kemusyikan.

Setelah itu, penerima boleh bergerak ke bilik khas untuk menerima vaksin.

Di dalam bilik menerima suntikan, petugas perubatan akan menunjukkan cecair vaksin dan jumlahnya iaitu 0.5ml sebelum disuntik kepada penerima.

Selesai! Setelah divaksinasi penerima perlu ke ruangan khas untuk berehat selama 15 minit.

Jika terdapat apa-apa alahan selepas vaksin diterima, sila maklumkan kepada pegawai bertugas. Mudahkan? Jangan lupa ambil kad pengesahan vaksinasi sebelum pulang dan

ambil gambar di bingkai foto "saya sudah divaksin" yang disediakan sebagai kenangan.

Saya yakin bukan PPV WTCKL ini sahaja, malah semua PPV diseluruh negara akan memberikan perkhidmatan dan fasiliti yang terbaik buat rakyat.

Penghargaan harus diberikan kepada Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), petugas barisan hadapan, Malaysia Vaccine Support Volunteers (MyVac) dan pengurusan PPV kerana berjaya merancang dan menguruskan perjalanan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) agar semuanya berjalan lancar.

Ketika PICK mula dilancarkan, kita mendengar ada beberapa buah PPV yang mengalami kesesakan.

Itu perkara biasa untuk perkara atau benda baruhan kerana masing-masing masih



PERJALANAN lancar jika anda patuh pada waktu yang diberikan.

belum biasa dengan keadaan tersebut.

Jika anda patuh waktu janji temu yang diberikan, dan mengikut arahan petugas dan sukarelawan di PPV, perkara sebegini tidak akan berlaku lagi.

Sebanyak 421,479 dos suntikan vaksin diberikan pada 12 Julai lalu sekaligus menjadi jumlah tertinggi dalam sehari (setakat artikel ini ditulis) dan melepas sasaran kerajaan untuk mencapai 300,000 dos suntikan sehari, malah turut mengatasi negara-negara lain seperti UK.

Jika jumlah ini dikekalkan sehingga penghujung bulan Julai ini, saya percaya, kita dapat membentuk komuniti kelompok dengan lebih cepat dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kes positif harian.

Bagi mencapai imuniti kelompok dengan cepat, kita bukan sahaja perlu mengekalkan jumlah pemberian vaksin harian malah kita perlu menggalakkan orang ramai untuk mendaftar sebagai penerima vaksin,

kerana itu sahaja cara buat masa sekarang ini untuk kita terhindar daripada dijangkiti wabak COVID-19.

Kita perlu berhenti mempercayai dakyah anti vaksin mengenai keburukan vaksinasi ini.

Saya tahu ada antara kita yang terpengaruh dengan konspirasi bahawa vaksin COVID-19 ini mengandungi cip yang boleh mengesan kedudukan manusia, tetapi perkara itu sudah dibidas dan diperjelaskan oleh pakar perubatan.

Jangan mudah terpedaya, kerajaan tidak akan melakukan perkara yang akan mendatangkan kemudaratkan kepada rakyat.

Bagi mereka yang sudah mendaftar untuk mendapatkan suntikan vaksin melalui aplikasi MySejahtera tetapi masih belum mendapat tarikh janji temu, jangan bimbang.

Anda akan menerima tarikh janji temu anda, kerana itu jaminan kerajaan, tambahan pula negara telah menerima bekalan vaksin dalam kuantiti yang banyak pada bulan ini.

Tidak dinafikan penglibatan klinik swasta sebagai PPV turut menyumbang kepada sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan.

Proses suntikan di klinik-klinik swasta juga disifatkan lebih selesa dan mengurangkan risiko penularan kerana tidak berkumpul di tempat yang sesak.

Semoga Malaysia akan capai imuniti kelompok dalam tempoh yang disasarkan supaya kita semua boleh kembali menjalani kehidupan normal seperti sebelum ini.

Jangan jemu untuk semak aplikasi MySejahtera anda, masa anda untuk divaksinasi akan tiba juga.

Lindung diri, lindung semua. Kita menang bersama!



JANGAN malu untuk bertanya petugas dan sukarelawan akan membimbing anda supaya tidak sesat.

Masakan antarabangsa gerenti sedap



SABRINA SABRE

SEKALI-SEKALA nak *feeling* sajian antarabangsa ala hotel boleh sahaja kalau gigih mencuba. Hiasan atau *garnishing* sajian yang diberi ini boleh



Tuna Onion Confit with Veggie Nicoise Salad

BAHAN-BAHAN

150 gram kepingan tuna

BAHAN PERAPAN TUNA

1/2 sudu teh parutan kulit lemon
1 sudu teh lada hitam ditumbuk
Garam
Gula

BAHAN A

50 gram bawang merah dihiris
10 gram daun *rosemary* dicarik
15 gram daun *thyme* dicarik
1/2 sudu teh parutan lemon
2 ulas bawang putih diketuk
30 ml minyak zaitun

BAHAN VEGGIE NICOISE SALAD

BAHAN B

30 ml minyak zaitun
1 sudu teh jus lemon
5 gram daun *oregano* dicincang halus
5 gram daun *thyme* dicincang halus
1/3 sudu teh *dijon mustard*
2 ulas bawang putih dicincang halus
5 gram lada hitam ditumbuk
5 gram garam
10 gram kacang merah dibilas dan tos
10 gram bawang besar dihiris
20 gram Kentang
15 gram asparagus
20 gram kacang hijau segar
2 biji zaitun hitam
2 biji zaitun hijau
30 gram lada bengala dihiris

CARA MASAK TUNA ONION CONFIT

- Potongan kepingan tuna menjadi potongan kecil yang seragam saiznya.
- Perapkan tuna dengan bahan-bahan perapan di dalam bungkusan dan biarkan selama 6 jam.
- Kemudian keluarkan tuna, dan letakkan dalam dulang pembakar yang sudah diisi dengan bahan A.
- Renjiskan dengan minyak zaitun di atasnya.
- Masukkan ke dalam ketuhar bersuhu 225 - 250°C.
- Bakar selama sejam, setelah masak ketepikan.

CARA MASAK VEGGIE NICOISE SALAD

- Campurkan bahan B kacaukan sehingga bahan-bahan itu sebatи (menjadi *dressing salad*).
- Di dalam mangkuk yang lain, masukkan kacang merah dan bawang besar dengan 1 sudu makan campuran bahan B.
- Rebus Kentang selama selama 10-15 minit. Masukkan garam secukup rasa.
- Didihkan asparagus dan kacang hijau selama 2-4 minit sehingga lembut dan alihkan lalu dimasukkan dalam air beras seketika, angkat dan toskan.
- Semasa menghidang, hiaskan dengan asparagus dan kacang hijau, buah zaitun, lada bengala serta Kentang rebus.
- Hidangan enak dimakan bersama bersama *tuna onion confit* yang sudah dimasak tadi.

CARA MEMASAK

Moroccan Lamb Shank with Couscous

BAHAN-BAHAN

1 ketul betis kambing dibasuh dan dibersihkan

BAHAN A

1 sudu teh serbuk paprika
1 sudu teh serbuk ketumbar
1 sudu teh jintan putih
2 sudu makan rempah Morocco

BAHAN B

40 gram bawang putih
50 gram bawang kecil
20 gram lobak merah
20 gram saderi
20 gram tomato
60 ml minyak zaitun
2 liter air stok kambing
2 sudu makan madu
1/2 biji jus lemon
Garam
Lada hitam
100 gram couscous dimasak

CARA PENYEDIAAN

CARA MEMASAK COUSCOUS

- Dimasak dengan nisbah secawan *couscous* bersamaan 1 1/2 cawan air.
- Didihkan air dan tuangkan ke dalam bekas berisi *couscous*.
- Tudungkan dan biarkan selama 5-10 minit sehingga *couscous* kembang dan meresap air.
- Gemburkan dengan garfu dan ketepikan.

CARA MEMASAK KAMBING

- Perapkan betis kambing dengan bahan-bahan A.
- Pijarkan minyak zaitun dalam kuali dan masukkan betis kambing yang diperap tadi.
- Kemudian tumiskan bahan-bahan B dan masukkan air stok kambing.
- Biarkan ia mendidih, tudungkan dan renehkan selama dua jam hingga daging empuk.
- Masukkan madu dan jus lemon dan perisakan dengan garam dan lada hitam.
- Hidangkan bersama *couscous*.



Duck Confit with Arugula Leaves and Poached Pear

BAHAN-BAHAN

180 gram peha itik dibersihkan

BAHAN A

- 10 gram lada hitam
- 10 gram daun *thyme*
- 10 gram bawang putih dihiris halus
- 20 gram bawang merah dihiris halus
- 1 helai daun *bay*
- 1 sudu kecil garam bukit

BAHAN B

- 4 cawan lemak itik dicairkan

BAHAN C

1 biji buah pir direbus
100 gram daun arugula
10 gram beri *juniper*

CARA MEMASAK

- Di dalam mangkuk campurkan A hingga sebatи.
- Perapkan peha itik bersama bahan A, dinginkan dalam peti sejuk selama 48 jam
- Panaskan oven dengan suhu 225°C.
- Masukkan itik yang sudah diperap tadi, di dalam dulang pembakar dan tuangkan lemak itik di atasnya.
- Bakar selama dua jam dengan suhu 100°C.
- Hidangkan dengan bahan C.

Selami makna persahabatan melalui empat filem ini



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

BAGAIMANA rasanya tidak mempunyai rakan atau sahabat? Mungkin hidup semuanya hitam putih. Lebih bosan kerana anda tidak mempunyai tempat untuk berkongsi kegembiraan atau kesedihan.

Mempunyai rakan adalah penting. Mereka boleh menjadi orang yang memahami keadaan kita. Tidak hairanlah, ini sering dibawakan dalam siri atau filem.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penjagaan jarak satu meter kerana pandemik

COVID-19 menjadikan kita tidak dapat bergaul dengan rakan-rakan pada hujung minggu dengan bebas seperti sebelum ini.

Bagi mereka yang merindui sahabat, menonton filem mengenai persahabatan bersama rakan baik anda mungkin boleh menjadi hiburan yang menggembirakan.

Edisi kali ini, *Wilayahku* kongsikan antara filem yang boleh ditonton di *Netflix* dengan tema persahabatan bagi mengimbau kembali kenangan nakal, suka dan duka anda bersama sahabat-sahabat anda.

Marilah kita doakan agar Malaysia kembali sembah supaya kita dapat jalani kehidupan normal sebelum ini dan dapat berjumpa dengan rakan dan keluarga yang tersayang. **WK**



The Fundamental of Caring

Pengarah: Rob Burnett
Pelakon: Paul Rudd, Craig Roberts, Selena Gomez

BERGENRE drama komedi jalanan Amerika yang dikeluarkan pada 2016. Mengisahkan seorang lelaki bernama Ben (Paul Rudd) yang juga seorang novelis. Hubungan rumah tangga yang tegang menjadikan Ben dan isterinya semakin jauh lalu si isteri meminta Ben untuk menceraikannya namun terus ditolak oleh Ben. Ben kemudian mengikuti kursus selama enam minggu untuk menjadi pengasuh berdaftar dan diambil bekerja oleh majikan bernama Elsa yang mempunyai seorang anak kurang upaya bernama Trevor.

Trevor menderita penyakit genetik yang disebut *Duchenne Muscular Dystrophy* (DMD). Penyakit ini menyerang otot, jadi otot dalam badan tidak dapat berfungsi dengan baik. Ben harus menjaga Trevor secara keseluruhan bermula dari menjaga makan, minum ubat, mandi dan membuang air kecil.

Adalah sukar bagi Ben untuk mendekati dan memahami Trevor. Satu-satunya perkara yang dia tahu adalah keinginan Trevor untuk mengunjungi beberapa tempat pelancongan, salah satunya adalah tempat yang disebut Deepest Pit. Ben kemudian meyakinkan Elsa untuk memberi keizinan buat mereka mengembawa. Trevor juga mula terbuka dan menjadi lebih rapat dengan Ben.

Menjalin hubungan yang unik antara mereka, iaitu perpaduan persahabatan dan juga hubungan antara ayah dan anak. Trevor meluahkan hasratnya ingin berjumpa dengan ayah kandungnya yang telah meninggalkannya sejak berusia tiga tahun. Ben berhasrat untuk memenuhi impian Trevor semasa pengembawaan mereka. Bagaimana pengembawaan dan persahabatan antara Ben dan Trevor akan berakhir? Cerita yang bermain dengan emosi pastinya menarik untuk ditonton bersama rakan baik anda pada hujung minggu ini.



Pengarah: Atsajun Sattakovit
Pelakon: Mario Maurer, Natcha Janthapan

DIBINTANGI oleh Mario Maurer, seorang pelakon yang tampan dan berbakat sebagai Gun yang tidak menyukai kekayaannya kerana ia membuatkan orang tuanya sentiasa sibuk.

Suatu hari, Gun telah menubuhkan sebuah kumpulan gangster bersama rakan-rakannya. Song adalah seorang pemuda tampan yang baru berpindah dari sebuah bandar ke Chiang Mai.

Kehidupan Song pada awalnya seperti remaja

Get Even

Pengarah: Holly Phillips
Pelakon: Kim Adis, Mia McKenna-Bruce, Bethany Antonia, Jessica Alexander

EMPAT pelajar sekolah elit iaitu Kitty Wei, Bree Deringer, Margot Rivers dan Olivia Hayes membentuk sebuah kumpulan bernama *Don't Get Mad* (DGM) yang bertujuan untuk membala pelaku pembuli yang sering berlaku di sekolah. Untuk mencapai tujuan mereka, mereka menyembunyikan identiti sebagai ahli kumpulan. Suatu hari, Ronny yang merupakan seorang pembuli ditemui mati dan di tangannya terdapat sehelai kertas yang bertuliskan DGM. DGM menyedari bahawa seseorang memerangkap mereka. Olivia disoal oleh polis sebagai orang terakhir yang mengambil gambar



Pengarah: Jennifer Kaytin Robinson
Pelakon: Gina Rodriguez, DeWanda Wise, Brittany Snow

SOMEONE GREAT adalah filem komedi romantis yang meneroka bukan sahaja hubungan romantis, tetapi juga mengenai persahabatan antara wanita. Mengisahkan Jenny, seorang wartawan muzik yang tinggal di New York. Dia berjaya mendapatkan pekerjaan impiannya dengan *Rolling Stone* di San Francisco.

Malangnya, hubungan selama sembilan tahun bersama kekasihnya terputus begitu sahaja dan membuatnya rasa tertekan. Manakala kisah lain dua sahabatnya iaitu Erin dan Blair. Erin berkerja sebagai ejen harta tanah, takut untuk mengaku perasaannya kepada kekasihnya dan Blair, seorang pengurus media sosial yang merasakan perlunya berpisah dengan kekasihnya kerana dia merasakan sudah tiada persefahaman.

Jenny menghubungi rakan-rakannya setelah mengetahui mengenai siri konsert *Neon Classic* dan mencadangkan pengembawaan terakhir sebelum dia bergerak dan pada masa yang sama untuk meraikan babak baru dalam kehidupannya serta merawat hatinya yang terluka.

Gadis-gadis itu kemudiannya bertemu tetapi

biasa, berkawan, akhirnya jatuh cinta dan kemudian patah hati. Semuanya berubah ketika Song bertemu dengan seorang pemuda bernama Gun dan rakan-rakannya (Tod, Nick, Kla, Champ, Arm).

Song yang dulunya seorang pendiam dan pengecut berubah secara drastik 180 darjah malah turut mengenali dunia pergaduhan dan samseng.

Gun yang kaya raya mempunyai hobi berjuang tetapi tidak pernah terfikir untuk membunuh lawannya kerana baginya wang tidak dapat membeli segala-galanya termasuk kebahagiaan malah hanya membawa penderitaan. Gun sanggup melakukan apa sahaja untuk rakan-rakannya meskipun perlu mempertaruhkan nyawanya.

Suatu hari salah seorang rakan mereka, Tod telah ditangkap oleh kumpulan besar bernama 'Night Bazaar' kerana telah memukul anak perempuan anggota dewan Chiang Mai disebabkan wang. Oleh itu, pemimpin 'Night Bazaar' meminta Gun untuk menghantar rakannya Song.

Memetik pesanan Gun terhadap Song "Song.. anda harus ingat, kita adalah pejuang bukan samseng. Lelaki melawan sehingga menang, bukan membunuh." Akhirnya Gun dan rakan-rakannya dapat mengalahkan kumpulan besar tersebut?

dengan Ronny sebelum dia meninggal dunia.

DGM menyusun senarai orang yang disyaki. Pencarian pembunuhan Ronny berterusan. Margot menggodam penghalan wifi Ronny dan mendapatkan data. Di sebuah pesta, Mika naik ke atas pentas dan mendakwa bahawa Ronny pernah memanipulasinya dan keesokan harinya, dia ditemui mati di takungan. Dengan rasa bersalah atas kematian Mika, Kitty memutuskan untuk meninggalkan DGM.

Pelbagai bukti muncul, tetapi pembunuhan Ronny dan Mika masih bebas. Bolehkah DGM menyelesaikan teka-teki misteri yang ada? Terutama dengan masalah dalaman antara mereka berempat. Kisah yang terdapat dalam kisah ini, bukan kisah remaja biasa. Siri *Get Even* menjanjikan keseronokan bagi anda yang suka misteri. Saksikan bagaimana keempat-empat gadis berani ini mengungkap jenayah di sekolah mereka yang ditayangkan di *Netflix* anda sekarang



Someone Great

sukar mendapatkan tiket untuk konsert sepanjang hari. Banyak kisah yang berlaku di sini dan membuat mereka berjanji bahawa persahabatan mereka akan tetap kukuh walaupun Jenny harus pergi ke California. Saksikan hubungan persahabatan ketiga-tiga wanita ini di *Netflix* bersama rakan baik anda mungkin serba sedikit boleh mengimbau kenangan manis yang lalu.

Belajar solat atas talian

105 murid sertai program kem bestari



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

SERAMAI 105 murid Sekolah Kebangsaan Membedai di sini mengikut Program Kem Bestari Solat (KBS) secara dalam talian bagi meningkatkan ilmu agama khususnya kepentingan kesempurnaan solat meskipun berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan, **Yusup Mohamad** berkata program itu dilaksanakan adalah bertujuan mendidik para murid mendalam mengenai ilmu agama khususnya dalam ilmu solat yang betul.

"Tujuannya adalah membimbing murid dalam melaksanakan solat dengan sempurna dan baik, membantu memperbetulkan kesalahan



YUSUP (kiri) menyampaikan ucapannya ketika Program Kem Bestari secara maya, baru-baru ini.

biasa di dalam solat serta kepentingan kesempurnaan solat," katanya kepada *Wilayahku*.

Beliau menzahirkan penghargaan kepada ibu bapa dan warga Sekolah Kebangsaan Membedai,

khususnya Panitia Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kerana berjaya program tersebut.

Dalam pada itu, Yusup turut memaklumkan panita Pendidikan Islam dan Bahasa Arab telah memenangi



SEORANG murid SK Membedai sedang mempelajari cara-cara solat dengan sempurna ketika Program Kem Bestari secara maya yang dianjurkan oleh panitia Pendidikan Agama Islam dan Arab SK Membedai.

pingat emas dan *Judge's Choice* dalam pertandingan inovasi *LaRIS Creativity and Innovation Showcase 2021* peringkat kebangsaan baru-baru ini.

"Tahniah diucapkan kepada

panitia Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kerana berjaya memenangi pertandingan itu sekali gus menaikkan nama Labuan di peringkat kebangsaan," katanya lagi. **WK**

Asian Supply Base sumbang 500 bakul makanan kepada penduduk terjejas

ATAS keprihatinan kepada masyarakat di Pulau Bebas Cukai yang terkesan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Satu, Syarikat Asian Supply Base Sdn Bhd tampil menyumbangkan sebanyak 500 bakul makanan yang membabitkan sejumlah RM25,000.

Ketua Pegawai Eksekutif Asian Supply Base, **Japar Esteban** berkata, sumbangan itu merupakan salah satu usaha dan tanggungjawab pihaknya sebagai salah sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Labuan dalam membantu pihak kerajaan khususnya Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan untuk membantu masyarakat yang terjejas pada tempoh ini.

"Ini merupakan satu tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu masyarakat yang terjejas akibat COVID-19," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan Ansharey Matarsad di sini, pada Isnin.

Hadir sama, Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli dan Ahli Dewan Negara merangkap Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias.

Menurut Japar, pihaknya



JAPAR (dua dari kiri) menyerahkan bakul makanan sebagai simbolik bantuan kepada Pengarah JKM Ansharey (dua dari kanan) disaksikan oleh Datuk Rozman (hujung kiri) dan Datuk Bashir (hujung kanan) di Dewan JKM, pada Isnin.

telah menyalurkan sebanyak 500 bakul makanan kepada JKM dibawah Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) untuk diselaraskan serta diagihkan kepada mereka yang terjejas.

"Sumbangan ini membabitkan jumlah keseluruhan bernilai RM25,000 dan barang di bakul makanan itu adalah minyak masak, gula, telur, beras dan sebagainya yang mana setiap bakul dianggarkan bernilai RM50," katanya.

Justeru itu, Asian Supply



500 bakul makanan yang disumbangkan oleh Asian Supply Base Sdn Bhd dan diagihkan oleh JKM kepada penduduk yang terjejas.

Base berharap dengan bantuan yang disumbangkan itu dapat serba sedikit meringankan beban masyarakat yang terkesan ketika pandemik COVID-19 melanda negara. **WK**

MAIWP luluskan bakul makanan bernilai RM525,000.00 di Labuan

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) meluluskan pemberian bakul makanan kepada penduduk di Labuan bernilai RM525,000.00.

Pemberian sumbangan itu disalurkan melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) selaku penyelaras penghantaran barang makanan ke Labuan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh MAIWP, sumbangan itu akan diagihkan kepada golongan yang terjejas di pulau itu bagi meringankan beban mereka dalam kehidupan sehari-hari.

Bekalan barang bakul makanan itu diantar menerusi penerbangan ihsan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan pengangkutan laut.

"Antara barang yang dihantar ialah beras, tepung, minyak masak

dan gula," kata kenyataan itu, pada Khamis lalu.

Terdahulu, sesi simbolik penyerahan bantuan itu disampaikan oleh Pengurus MAIWP Labuan, **Ustaz Fadzli Md Saad** kepada Ketua Pegawai Eksukatif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman di Bangunan Pusat Stor Perbadanan Labuan.

Jelas kenyataan itu, agihan bakul makanan kepada warga wilayah ini melibatkan petugas Perbadanan Labuan, Jabatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan semua agensi kerajaan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Justeru itu, MAIWP berharap dengan sumbangan ini dapat membantu mereka yang memerlukan dengan memastikan makanan harian sentiasa ada di atas meja. **WK**



FADZLI (kanan hujung) menyampaikan cek simbolik bantuan bakul makanan kepada **FARY** (tiga dari kanan) bagi penyelaras agihan bantuan itu kepada penduduk Labuan.

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

APM-WP terlibat urus pengebumian 35 jenazah mangsa COVID-19

SYAHIDI BAKAR

TUGAS yang digalas Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) tidak lagi terbatas kepada usaha menyelamat di kawasan bencana sahaja, malah telah diperluas mencakupi urusan pengebumian mangsa COVID-19 yang meninggal dunia.

Setakat pertengahan Julai, sejumlah 35 jenazah telah diuruskan APM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bersama-sama agensi lain termasuklah Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan wakil waris yang dibenarkan.

Menurut kenyataan APM-WP, kesemua mangsa terlibat diurus secara teratur berpandukan SOP ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengelakkan penularan wabak COVID-19 dalam kalangan pegawai dan anggota bertugas.

"Setiap penugasan perlu disempurnakan dengan cepat mengikut SOP serta pemakaian PPE Tahap 3 sepenuhnya sebagai langkah pencegahan bagi anggota yang bertugas.

"Secara khususnya, APM WP telah menguruskan jenazah bermula 23 Jun lalu hingga kini dengan kes terkini melibatkan tiga jenazah dikebumikan Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, 12

Julai lalu.

"Proses pengebumian itu melibatkan 12 anggota Pejabat Daerah Pertahanan Awam (PDPA) Sentul serta diselaras bersama empat pegawai dari JKN Kuala Lumpur serta empat orang waris mangsa," kata sumber tersebut.

Sementara itu, berdasarkan skop penugasan bagi pengurusan jenazah, peranan APM mencakupi proses menerima jenazah telah disempurnakan oleh Jabatan Perubatan Forensik (JPF) disusuli penghantaran jenazah ke tempat pengebumian atau krematorium, menyelia proses pengebumian oleh waris dan menyelaras kerja dekontaminasi.

Berdasarkan pecahan tugas APM-WP melalui PDPA Sentul telah sempurnakan pengebumian 11 jenazah COVID-19, PDPA Cheras (18 kes) dan PDPA Kuala Lumpur (6 kes) manakala PDPA di Putrajaya masih tiada kes pengebumian mangsa.

Kenyataan sama turut memaklumkan, ketika di lapangan selain APM beberapa agensi lain turut terlibat secara langsung uruskan pengebumian termasuk JKN WPKL, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), MAIWP dan JAKIM dengan setiap agensi mempunyai peranan dan tugas masing-masing. **W.K**



URUSAN pengebumian tiga jenazah mangsa COVID-19 dilaksanakan APM-WP dengan agensi terlibat di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Isnin lalu.



SETIAP anggota dan pegawai yang terlibat perlu dilengkapi dengan pemakaian PPE tahap 3 selain mematuhi SOP bagi tatacara pengebumian.

Rf sumbang barang basah, memanfaatkan 250 warga Wangsa Maju

PRIHATIN dengan kesukaran dialami warga B40 berdepan penularan COVID-19, telah mendorong Yayasan Ragad (Rf) melaksanakan sumbangan barang basah sebagai usaha meringankan beban golongan sasar rakyat.

Sumbangan amal sempena kedatangan Aidiladha itu menyaksikan 250 warga penduduk di Wangsa Maju menerima barang mentah berupa daging, ayam dan ikan seberat 1 kilogram setiap seorang.

Pengarah Program dan Kempem Yayasan Ragad, **Lila Ruzaini Hussain** berkata, sumbangan barang basah itu adalah cetusan idea Pengurus Yayasan Ragad yang mahukan penduduk terkesan akibat pandemik diraikan dengan pemberian bermakna.

Katanya, memandangkan barang kering kerap kali diagih, maka pihak yayasan putuskan untuk memberi sumber protein lebih berkhasiat kepada penerima dan ia juga disuaikan keadaan semasa yang bakal meraikan perayaan Aidiladha.

"Setiap penerima layak mendapat sekilo daging sama ada daging lembu atau kambing, selain dari ayam dan ikan yang turut disedia kepada mereka yang tidak suka daging."



LILA Ruzaini (tengah) menyerahkan pek sumbangan barang basah kepada salah seorang penduduk Wangsa Maju. Turut kelihatan, Noor Aieni dan Riffai (kiri).

"Usaha diambil ini bertujuan membantu rakyat di bandar besar yang mungkin berdepan kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan berzat dan menikmatinya bersama keluarga.

"Toh Puan Ragad Kurdi Taib selaku Pengurus Yayasan mahukan bantuan ini segera dihulurkan kepada penduduk memerlukan seterusnya untuk ringankan beban mereka

sekeluarga di samping memberi sedikit keriangan buat penerima," kata Lila Ruzaini selepas agihan sumbangan di medan parkir Kedai Depan Kubur (KDK), Wangsa Maju.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan, Datuk Riffai Husein serta Ketua Wanita UMNO Bahagian Wangsa Maju, **Datuk Noor Aieni Mohd Ali** turut sama membantu menyampaikan sumbangan selain mengenal pasti



RIFFAI Husein (kiri) turut sama menyerahkan sumbangan 1kg daging kepada salah seorang daripada 250 penduduk di Wangsa Maju, baru-baru ini.

penerima.

Semua wakil penyumbang dan sukarelawan parti meluang masa kira-kira dua jam sebelum selesai menyerahkan 250 pek sumbangan barang basah itu yang setiap satunya dianggar bernilai RM50.

Mengulas lanjut, Noor Aienie menyambut positif usaha murni yang dijayakan oleh Yayasan Ragad yang mengambil berat

soal kebijakan rakyat dan membuktikan keprihatinan terhadap nasib warga yang memerlukan.

"Terima kasih kepada pihak Yayasan kerana pilih Wangsa Maju sebagai salah satu lokasi agihan bantuan kali ini dan pastinya menjadi pelengkap inisiatif bantuan yang diberikan kerajaan semasa penularan pandemik ini," ujarnya. **W.K**

**Soalan****SSALAMUALAIKUM**

Datuk.

Mohon penjelasan sedikit mengenai Hari Raya AidilAdha dan puasa sunat hari Arafah.

Jawapan

Hari raya AidilAdha merupakan salah satu hari raya yang diraikan oleh umat Islam di seluruh dunia.

Ia berlangsung pada tanggal 10, 11, 12 dan 13 bulan Zulhijjah setiap tahun.

Dari segi sejarah, hari ini adalah hari di mana umat Islam mengingati semula kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dalam menunaikan perintah Allah dan kesabaran anaknya Nabi Ismail dalam memenuhi perintah Allah SWT.

Pada hari ini juga, umat Islam berpeluang melaksanakan ibadah korban dengan menyembelih haiwan-haiwan ternakan yang telah dimiliki.

Ia boleh dilakukan sepanjang tempoh empat hari sahaja iaitu bermula selepas khatib menyampaikan khutbah AidilAdha sehingga sebelum terbenamnya matahari pada hari ke-13 Zulhijah.

Dari perspektif ilmu falak, para fuqaha telah berbahas dengan panjang lebar dalam menentukan tarikh awal bulan Hijrah terutamanya Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah, mereka kemudiannya merumuskan kepada tiga kaedah berikut:

- Rukyah (melihat anak bulan)
- Hisab falak (pengiraan)
- Rukyah dan hisab dengan menggunakan kriteria imkanur-rukyah iaitu menggunakan hisab dalam menentukan kebolehampamanan anak bulan (hilal)

Di Malaysia, tanggungjawab melihat anak bulan dilakukan oleh Jawatakuasa Rukyah Negeri yang dilantik oleh Ketua Agama Islam Negeri yang diurus setiakan oleh Jabatan Mufti Negeri.

Terdapat kira-kira 30 lokasi

AidilAdha dan puasa hari Arafah



KEPENTINGAN menentukan tarikh awal Zulhijjah bagi mengetahui tarikh berlakunya Hari Wukuf bagi jemaah haji di padang Arafah.

melihat anak bulan di seluruh negara. Sesetengah lokasi mempunyai balai cerap dan pusat kajian cerapan secara bulanan bagi kenampakan anak bulan.

Peralatan berteknologi seperti teleskop dan teodolit dan pengiraan data rukyah yang meliputi jadual pergerakan bulan dan matahari digunakan pada hari rukyah bagi membantu para pencerap.

Di samping itu, antara kepentingan menentukan tarikh awal Zulhijjah juga adalah bagi mengetahui tarikh berlakunya Hari Wukuf bagi jemaah haji di padang Arafah.

Lazimnya, tarikh Hari Wukuf akan diisyithar oleh pihak pemerintah iaitu kerajaan Arab Saudi.

Bagi negara atau kawasan yang berlainan terbit matahari seperti Malaysia dan lain-lain, penentuan 9 Zulhijjah adalah mengikut ketentuan imkanur-rukyah negara masing-masing. Puasa Hari Arafah (9 Zulhijjah) mempunyai kelebihan menghapuskan dosanya setahun sebelum dan setahun selepas sebagaimana riwayat Muslim.

Merujuk kepada petikan sabda Rasulullah yang bermaksud "dan Hari Raya Korban (Aidiladha) adalah hari di mana kamu menyembelih (berkorban)", Rasulullah SAW menetapkan agar ibadat korban itu dilaksanakan pada Hari Raya Korban (Aidiladha) dan hari-hari Tasyriq (11,12 dan 13 Zulhijjah).

Hadith tersebut juga menunjukkan bahawa ibadat korban tiada kaitan dengan penentuan ibadat haji yang dilaksanakan di Arab Saudi

(sehari selepas wukuf di Arafah).

Ia adalah sunat muakkad bagi orang yang mengerjakan haji dan umat Islam di seluruh dunia.

Al-Syiekh Syamsuddin Muhammad bin al-Khatib al-Syarbini menjelaskan *matan Minhaj al-Talibin* oleh Imam al-Nawawi bahawa apabila dilihat hilal di sesuatu negara maka wajiblah hukum yang sama bagi negara berhampiran sebagaimana kota Baghdad dengan kota Kufah, tidak bagi negara yang berjauhan seperti negara Hijaz dengan negara Iraq.

Polemik penentuan puasa sunat Arafah sering kali terjadi kerana ia berlaku setiap tahun. Hal ini adalah bertepatan dengan firman Allah Taala:

"Mereka bertanya kepadamu (Muhammad) tentang anak-anak bulan. Katakanlah itu adalah penunjuk waktu bagi manusia (waktu-waktu berpuasa, berbuka, idah seseorang wanita) dan waktu ibadah haji."

(Surah Al-Baqarah:189)

Imam Ibnu Kathir ketika mentafsirkan ayat tersebut beliau menuliskan kata-kata Abu Jaafar yang diriwayatkan daripada Abu Rabi' daripada Abu Al-Aliah :

"Ya Rasulullah! Mengapa dijadikan anak-anak bulan itu?" Maka turunlah wahyu dengan ayat ini.

Berdasarkan ayat tersebut dan penerangan para ulama termasuk Imam al-Nawawi dalam Syarah Muslim, wajib hukumnya berpuasa sebaik sahaja melihat anak bulan Ramadhan dan wajib berbuka puasa (hari raya) setelah melihat anak bulan syawal.

Sekiranya terlindung anak bulan awal Ramadhan dan akhir Ramadhan maka hendaklah disempurnakan bilangan bulan Syaaban dan Ramadhan tiga puluh hari.

Begitulah juga sabit anak bulan Zulkaedah dan Zulhijjah dengan melihat anak bulan atau dilengkapkan tiga puluh hari.

Telah berkata Imam Ibnu Hajar Rahimahullahu Taala dalam kitab Fathu Jawwad dan Imam

Ramli Rahimahullah dalam Kitab *al-Nihayah* dan lain-lain ulama bahawa penempatan anak bulan Zulkaedah dan Zulhijjah disabitkan dengan melihat anak bulan pada suatu negeri.

Walau bagaimanapun, para ulama telah berselisih pendapat berkaitan penetapan waktu puasa sunat Arafah kepada dua pendapat:

Pendapat Pertama: Antaranya pendapat Ibnu Rejab Al-Hanbali Rahimahullahu Taala dan sebahagian Ulama Malikiyyah iaitu hari Arafah adalah hari di mana para jemaah haji menunaikan Wukuf di Arafah.

Pendapat Kedua: Pendapat Mazhab As-Syafie, dan juga sebahagian Ulama Malikiyyah bahawa puasa sunat Arafah adalah mengikut perkiraan melihat anak bulan Zulhijjah pada sesuatu negeri (iaitu tanggal 9 Zulhijjah itu sendiri). Setiap negeri mempunyai matlak masing-masing).

Justeru, pendapat kedua merupakan pendapat yang lebih tuntas mengikut Mazhab As-Syafi'e Rahimahullahu Taala dan terpakai juga di Malaysia.

Namun begitu, lebih afdhal ke atas seseorang itu untuk berpuasa juga pada hari Tarwiyyah (hari kelapan Zulhijjah) sebagai ihtiyat (berhati-hati) dalam ibadah puasa sunat Arafah.

Kesimpulannya, negara Malaysia terletak kira-kira 7000 kilometer dari Arab Saudi mempunyai *matla'* (zon terbit matahari dan bulan) yang berbeza dan mempunyai kaedah falak yang jelas serta diakui oleh ulama-ulama falak dalam menentukan tarikh-tarikh penting menurut kalender Islam.

Kekeliruan masyarakat dalam penentuan Hari Arafah di Malaysia dan Arab Saudi perlu difahami sebaiknya dan ia dapat diselesaikan menerusi ketetapan yang dikeluarkan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia. *Wallahu'lam.*

PPZ-MAIWP lancar kempen potongan zakat bulanan mulai Julai

PUSAT Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) pada Rabu melancarkan kempen pembayaran zakat pendapatan melalui Skim Potongan Zakat Bulanan (Skim PZB) bagi meningkatkan kesedaran umat Islam mengenai kewajipan membayar zakat.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, **Abdul Hakim Amir Osman** berkata kempen yang bermula bulan ini hingga Disember itu juga bertujuan me-

narik lebih ramai petugas swasta dan kerajaan khususnya di Wilayah Persekutuan untuk menunaikan zakat secara bulanan melalui potongan gaji.

Beliau berkata kempen itu terbuka kepada semua pembayar zakat sama ada pembayar baharu atau yang berhasrat menambah jumlah potongan zakat, dan pihaknya menganggarkan setakat ini 30 peratus penduduk di Wilayah Persekutuan yang layak menunaikan zakat masih belum menunaikan

tanggungjawab mereka.

"Manusia sentiasa alpa. Melalui kempen berterusan ini ia akan dapat memberi kesedaran kepada mereka, kini adalah masa sesuai untuk kita yang masih mempunyai pendapatan untuk tampil membantu mereka yang kurang bernasib baik."

"Jika kutipan zakat meningkat maka lebih ramai asnaf dapat disantuni," katanya.

Abdul Hakim berkata PPZ menetapkan sasaran kutipan RM800

juta pada tahun ini dan daripada jumlah itu RM6 juta disasar dikutip daripada 5,500 pembayar zakat melalui PZB.

Sementara itu, beliau berkata, PPZ dengan kerjasama MAIWP telah menyalurkan bantuan kira-kira RM40 juta kepada 77,210 penerima di bawah Program MAIWP Prihatin-Kasih Asnaf 3.0.

"Agihan ini di luar bantuan bulanan yang biasa kami berikan. Kami juga berjaya mengagihkan bantuan kepada kira-kira 6,000

keluarga di 19 lokality yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Wilayah Persekutuan sebanyak RM 1 juta," katanya.

Untuk rekod, jumlah penerima bantuan zakat yang terdiri daripada ketua keluarga meningkat 35 peratus daripada 43,353 asnaf pada tahun 2019 kepada 59,419 pada tahun 2020 manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 sahaja, jumlah penerima bantuan zakat ialah sebanyak 47,483 penerima.

Kes positif COVID-19 di Labuan menurun

KADAR jumlah kes positif COVID-19 di Pulau Bebas Cukai itu kini mencatatkan trend penurunan dan kadar kebolehjangkitan *R-naught* (*Rt*) turut mencatatkan penurunan dari 2.0 kepada 0.86 kata Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa.

Beliau berkata perkembangan positif itu dijangka akan kekal pada minggu ini dengan penurunan sekurang-kurangnya kepada 700 kes.

"Dari segi kadar kebolehjangkitan pula, jumlah nilai positif *R-naught* (*Rt*) tertinggi direkodkan adalah melebihi 2.0 pada Minggu Epidemiologi (ME) ke 20 dan ia telah menurun kepada 0.86 pada 8 Julai 2021," katanya dalam satu kenyataan, pada Sabtu lalu.

Dalam pada itu, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan berkata, program pemberian vaksinasi kepada penduduk Labuan bakal mencapai 80

peratus imuniti kelompok pada minggu akhir Julai ini.

"Sehingga 8 Julai, seramai 57,243 (83.57%) populasi dewasa di Labuan telah menerima suntikan dos pertama manakala seramai 22,049 (32.19%) telah menerima kedua-dua dos vaksin.

Annuar berkata, sebelum ini, Wilayah Persekutuan Labuan sudah mencatatkan 8,922 kes COVID-19, dengan peningkatan kes tinggi ini adalah disebabkan serangan varian membimbangkan (VOC) Delta B.1.617.2 yang mula dikesan di sana pada 23 April lalu.

Jawatankuasa Bencana Labuan dan Jabatan Peneraju, Jabatan Kesihatan Labuan mengambil tindakan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dengan syarat kesmasukan tambahan termasuk mewajibkan RT-PCR, kuarantin dan kawalan program ekonomi termasuk perkapalan.

"Program sanitasi COVID-19



JABATAN Kesihatan Labuan melakukan pengesanan kes aktif (ACD) di Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP) Kiansam.

terancang dilaksana di kawasan bersasar yang membatikan saringan bersasar (*active case detection*) serta program pemantauan khas membatikan kawasan yang men-

jalani PKPD bagi memastikan kes terkawal," katanya.

Selain itu katanya, program surveilans yang meneliti varian VOC Delta B.1.617.2, corak jangkitan,

epidemiologi COVID-19 dan perancangan kawalan COVID-19 di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Program promosi dan pendidikan kesihatan termasuk program khas "Rumah Bebas COVID-19" dijalankan di samping program penguatkuasaan bersepada diketuai oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Beliau berkata, program 'risk communication' dilaksana untuk mengawal penyebaran maklumat yang boleh membawa kepada situasi panik dalam kalangan orang ramai di samping pembinaan Hospital Medan bagi menyokong perkhidmatan Hospital Labuan sedia ada.

"Saya juga ingin mengingatkan warga Labuan untuk mengamalkan norma baharu menjadi sebahagian daripada kehidupan dan juga memastikan kepatuhan kepada SOP dan PKP bagi melindungi diri dan mereka yang disayangi," katanya lagi. **WK**

Keluar i-Citra untuk bantu rakyat teruskan kelangsungan hidup

PERMOHONAN pengeluaran i-Citra bagi pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berusia 55 tahun ke bawah mula dibuka 12 Julai lalu, tiga hari lebih awal daripada tarikh ditetapkan.

Pemerhatian di laman rasmi Facebook KWSP mendapat pengumuman mengenai pembukaan permohonan dibuat seawal 11.34 malam, dan berdasarkan komen pengguna Facebook, ramai telah mula memohon i-Citra sejak tengah malam 12 Julai.

Pemohon i-Citra, Yusri Ali, 37, berkata pengeluaran i-Citra ini dapat membantu meringankan beban bagi menyara keluarga selepas pendapatannya sebagai tukang masak terjejas dalam tempoh pandemik ini.

"Saya merancang untuk bayar bil-bil atau hutang yang tertunggak beberapa bulan, beli sedikit barang keperluan dan makanan. Proses permohonan juga mudah tapi agak perlahan, mungkin sebab ramai yang memohon," katanya.

Sementara itu Siti Nadia Natassa Daud, 27, pula berkata beliau mengambil keputusan memohon pengeluaran itu selepas menyedari keperluan untuk meneruskan perusahaan pakaian beliau.

Mengambil keputusan untuk berhenti bekerja sebagai jurujual di kompleks membeli-belah Mac lepas, ibu kepada tiga anak yang menetap di Sepang itu bercadang menyimpan wang bakal diperoleh sebagai dana tambahan untuk persediaan menghadapi hari-hari mendatang.

Bagi pekerja swasta, Mohd Aziz Mat, 48, permohonan bagi pengeluaran i-Citra ini dibuat untuk membeli keperluan peranti bagi pembelajaran anak yang akan menyambung pelajaran di institut pengajian tinggi.

Bapa kepada tiga anak itu berkata selain memanfaatkan wang yang bakal diterima untuk membeli keperluan anaknya, baki wang itu akan disimpan bagi perbelanjaan akan datang.

Pembayaran pertama i-Citra dijangka dikreditkan



ke dalam akaun bank ahli bermula Ogos ini. Jumlah pengeluaran diluluskan akan dibayar sejingga lima kali bayaran bulanan sebanyak RM1,000 sebulan tertakluk kepada baki simpanan.

i-Citra membolehkan ahli yang layak untuk membuat pengeluaran simpanan KWSP sehingga jumlah maksimum RM5,000 tertakluk kepada jumlah baki simpanan dalam kedua-dua Akaun 1 dan 2.

Pengeluaran i-Citra diperkenalkan selaras dengan pengumuman Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Jun lepas sebagai inisiatif jangka masa pendek untuk membantu ahli yang terkesan dengan cabaran ekonomi akibat pandemik COVID-19, serta mengimbangi keperluan hari ini dan masa depan ahli. **WK**

COVID-19: Perkhidmatan awam responsif berpandukan data - KSN

KETUA Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali hari ini menegaskan bahawa perkhidmatan awam dalam mendepani pandemik COVID-19 kekal komited dan responsif terhadap keperluan semasa berpandukan data serta maklumat tepat dan terkini.

Berdasarkan panduan tersebut, katanya ia membolehkan kerajaan menggubal, melaksanakan dasar, tindakan serta operasi bagi menangani pandemik COVID-19.

"Dalam mendepani krisis ini, kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi, inisiatif dan pelan tindakan bagi membendung penularan wabak COVID-19 untuk mengimbangi kehidupan dan kelangsungan hidup," katanya dalam kenyataan hari ini mengenai pandemik COVID-19 dan komitmen penjawat awam.

Dengan mengumpamakan satu perlumba maraton yang panjang dan penuh getir ke garisan penamat,

Mohd Zuki berkata perperangan dengan musuh yang tidak nampak itu amat mencabar, meletihkan dan memerlukan kekuatan serta ketahanan yang ampuh.

"Belum pernah dalam lipatan sejarah negara, kita menempuh kehidupan penuh liku akibat pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Bagaimanapun, impak kepada

kelangsungan hidup rakyat dapat ditangani melalui pelaksanaan lapan pakej rangsangan ekonomi dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)," katanya.

Mohd Zuki berkata pakej rangsangan ekonomi merupakan

usaha strategik kerajaan dalam merangankan beban yang ditanggung oleh rakyat menerusi pelbagai saluran bantuan untuk menyokong kelangsungan ekonomi akibat penguatkuasaan PKP.

Pakej rangsangan ekonomi terlibat adalah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Mempermaka Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) serta Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Menurutnya, kerajaan memperuntukkan lebih RM500 bilion bagi kesemua pakej rangsangan tersebut demi memastikan kejayaan pelaksanaannya.

Mohd Zuki berkata kerajaan memperuntukkan RM5 bilion untuk perolehan dan penyediaan vaksin secara percuma kepada rakyat dan PICK sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan sejajar dengan bekalan vaksin yang diperoleh. **WK**



MOHD ZUKI

HENDAK seribu daya, kumpulan 18 mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Sukan dari dua Institut Pengajian Tinggi berjaya menganjurkan webinar khusus untuk atlet Wilayah Persekutuan walaupun Kuala Lumpur dan Selangor masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) baru-baru ini.

Mereka adalah mahasiswa dari pada Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan webinar tersebut merupakan projek akademik 18 mahasiswa Program Sarjana Muda Pengurusan Sukan yang mengambil kursus Pengurusan Acara.

Pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan dalam penganjuran webinar bertajuk "WiPers Future Talent Webinar 2021" yang berlangsung pada Sabtu (10 Julai 2021) dihususkan buat atlet dan jurulatih program Bakat dan Pelapis Negeri Wilayah Persekutuan.

Manakala satu lagi kumpulan menganjurkan webinar "WiPers Sports Science Webinar" dengan tema "The Effect of Covid-19 To Athletes: Mental and Health Implication" khusus untuk atlet prestasi tinggi pada keesokan harinya (11 Julai 2021).

Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) Dr Hasnul Faizal Hushin Amri berkata kebanyakannya penuntut menganjurkan program secara dalam talian buat kali pertama namun mereka berjaya menganjurkan program seperti yang dirancang.

"Setiap kumpulan berdepan dengan tugas yang mencabar dimana mereka perlu merangka perancangan yang teliti bermula dengan penyediaan konsep, bajet, penajaan, promosi dan produksi webinar dengan tersusun."

"Cabaran paling getir mengendalikan program secara dalam talian adalah memikirkan kaedah pelaksanaan yang bersesuaian untuk pelajar menarik minat peserta kekal mengikuti setiap sesi webinar

Mahasiswa IPT jayakan webinar bersama MSWP



WEBINAR bersama MSWP merupakan projek akademik 18 mahasiswa Program Sarjana Muda Pengurusan Sukan kursus Pengurusan Acara.



NOR HAZIRAH



ABDILLAH SYARAMI

itu dari awal hingga selesai. Yang mana penganjuran webinar itu dijalankan bermula dari pagi hingga ke petang," katanya yang juga Pensyarah Kursus kepada kumpulan mahasiswa tersebut.

Sementara itu, wakil jawatankuasa penganjuran webinar "The Effect of Covid-19 To Athletes: Mental and Health Implication", Nor Hazirah Derahman berkata perancangan yang diperlukan dalam penganjuran dalam talian ini memerlukan ketelitian dan tempoh persiapan yang

lebih panjang apatah lagi acara berbentuk dalam talian ini sudah menjadi kebiasaan dalam norma baharu yang disebabkan pandemik COVID-19.

"Pada mulanya kami sangka penganjuran dalam talian adalah lebih mudah daripada penganjuran acara biasa. Beberapa cabaran yang perlu kami hadapi adalah daripada segi pengurusan persiapan awal program malahan kerja berpasukan yang menyebabkan pengagihan kerja tanpa bersemuka terpaksa dilakukan berikutkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada masa kini.

"Ketika berlangsungnya webinar itu pula, kami banyak belajar cara untuk mencari jalan penyelesaian dalam berdepan beberapa hal yang tidak diduga seperti isu pengendalian teknikal akibat liputan Internet yang lemah, mengawal peserta dalam setiap sesi aktiviti online, serta

mengawal tempoh masa penceramah yang ada kala melebihi had masa ditetapkan," katanya yang juga bertugas sebagai seorang anggota Bomba.

"WiPers Sports Science Webinar" yang dikhaskan bagi atlet dan jurulatih prestasi tinggi Wilayah Persekutuan menyaksikan penyertaan 339 peserta dengan penampilan penceramah berpengalaman dalam bidang Sains Sukan dan Perubatan Sukan.

Pakar Perubatan Sukan dari Hospital Sultan Ibrahim Johor Bahru, Dr Ibrahim Ahmad Fuad berkongsi dua kertas pembentangan iaitu 'Cara Mengelak Kecederaan Ketika Latihan di Rumah' dan juga 'Kebaikan dan Kelemahan Latihan Kecergasan Dalam Talian sementara Pakar Psikologi Institut Sukan Negara (ISN), Philip Lew membentang kertas bertajuk 'Menguruskan Ketidaktentuan: Sokongan Psikologi

Sukan Kepada Atlet Ketika Covid-19'.

Perkongsian Pakar Pemakanan ISN, Kamsina Aziz tentang 'Cara Mengelakkan Kecergasan Dalam Pengambilan Makanan' sementara Pakar Fisioterapi ISN, Chin Chee Yong dengan kertas pembentangan 'Sesi Latihan Pemulihan dan Kecergasan Kardiovaskular di Rumah'.

Dalam pada itu, wakil jawatankuasa webinar Abdillah Syarami Ismail berkata beliau berterima kasih kepada MSWP atas kerjasama dan tunjuk ajar dalam penganjuran webinar "WiPers Future Talent Webinar 2021" yang dapat menarik minat hingga 400 penyertaan itu.

"Memandangkan webinar ini berlangsung sehari, cabarannya adalah bagi kami untuk menarik peserta yang terdiri daripada atlet muda ini untuk kekal menyaksikan topik yang disampaikan panel jemputan sehingga ke akhirnya.

"Dengan penyertaan peserta yang muda, kami berjaya menarik minat peserta untuk kekal mengikuti perkongsian panel yang ada dengan memberikan pelbagai kuiz, permainan dan juga cabutan bertuah bagi peserta," katanya yang juga seorang Pembantu Perubatan.

"WiPers Future Talent Webinar 2021" menampilkan Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Jeffrey Low membentangkan 'Perkembangan Fizikal, Motor Dan Pergerakan Asas Bagi Atlet-atlet Baru" sementara Pakar Pemakanan dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), Zaridah Zainuri pula dengan topiknya "Jom makan sihat".

Penampilan bekas pemain badminton kebangsaan yang berpengalaman luas beraksi sehingga peringkat antarabangsa dan juga Pengarah Kejurulatihan Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Wong Choon Han menyampaikan perkongsian bertajuk 'Kualiti Atlet Muda Dari Kaca mata Jurulatih' turut mendapat perhatian.

ESTCON 2020 buka peluang dialog strategik pendidikan tinggi

KONGRES terbesar dunia - Kongres Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Dunia (ESTCON) 2020 membuka peluang untuk ahli akademik dan pemain industri menyertai dialog strategik mengenai cabaran dihadapi sektor pendidikan tinggi, di tengah-tengah amalan kebiasaan baharu berikutnya pandemik COVID-19.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata kongres itu juga memberi peluang untuk membuka jalan baharu bagi kerjasama yang memanfaatkan pengetahuan dan kepakaran sektor lain bertujuan untuk menginovasi dan penyelesaian baharu.

"Adalah penting buat ahli akademik dan pemain industri menyertai dialog strategik secara serius mengenai cabaran yang di-

hadapi pendidikan tinggi, dalam kongres tiga hari yang bermula hari ini hingga 15 Julai.

"Ini adalah masa bagi cabaran yang besar, tetapi juga satu daripada kemungkinan yang luar biasa. Dan berdasarkan kemungkinan itu, tiada organisasi yang dikecualikan daripada keperluan dan keinginan untuk berinovasi," katanya ketika berucap pada kongres itu di sini hari ini.

Beliau memuji Universiti Teknologi Petronas (UTP) kerana menganjurkan kongres berkenaan secara dalam talian yang mengumpulkan lebih 1,000 pakar

daripada pelbagai bidang penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dari kira-kira 30 negara.

Noraini berkata kerajaan menerusi mendukung konsep quadruple helix yang mana kerjasama perlu dijalin dan dikekalkan antara universiti, industri, kerajaan dan masyarakat.

Beliau turut menyeru kolaborasi untuk meningkatkan usaha Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan mewujudkan hubungan daripada sekolah rendah ke universiti dan industri.

"Dalam menjadikan negara kita membangun sepenuhnya, saya

menggesa universiti dan industri menyokong usaha kerajaan serta menyokong dan memperjuangkan pendidikan STEM.

"Menerusi kongres seperti ESTCON ini, semua pihak dapat bersidang untuk bertukar idea dan pandangan dalam merealisasikan aspirasi untuk masa hadapan yang mamparn," katanya.

Bertemakan 'Sains, Teknologi dan Kemanusiaan: Penciptaan Semula Masa Hadapan', ESTCON 2020 yang memasuki edisi keenam itu merangkumi pelbagai bidang dalam inovasi kejuruteraan dan teknologi serta kemanusiaan dengan sembilan persidangan antarabangsa diadakan serentak.

Naib Canselor UTP merangkap Pengurus ESTCON2020 Prof Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib

berkata sembilan persidangan yang diadakan itu selaras dengan objektif UTP untuk menjadi pemimpin dalam pendidikan teknologi dan pusat kreativiti dan inovasi.

Beliau berkata kongres itu membolehkan universiti memulakan sempadan baharu, kajian rintis, mewujudkan teknologi baharu dan memperkenalkan penyelesaian dan kaedah yang inovatif untuk pembangunan lestari yang akan memanfaatkan masyarakat.

Antara persidangan yang diadakan ialah Persidangan Antarabangsa mengenai Kejuruteraan dan Teknologi Minyak dan Gas (ICOGET2020) dan Persidangan Antarabangsa mengenai Kejuruteraan Awam, Luar Pantai dan Alam Sekitar (ICCOEE2020).



NORAINI

Erry Hidayat pernah guna besi lama untuk latihan

COVID-19 bukan alasan goyang kaki

AINI MAWAWI

BIARPUN negara masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun atlet angkat berat perlu sentiasa fokus berlatih bagi mengekalkan prestasi.

Mengakui perkara yang sama, atlet angkat berat negara, **Muhammad Erry Hidayat**, 22, berkata, situasi yang berlaku saat ini seharusnya menjadi pembakar semangat untuk kejayaan di masa hadapan.

"Atlet angkat berat perlu sentiasa berfikiran positif dan jangan tinggalkan latihan kerana bukan mudah nak dapatkan kembali angkatan yang berjaya kita buat," ujarnya yang kini sedang menjalani latihan menggunakan pendekatan kuarantin (*quarantine based approach*) di Kompleks MSN Bukit Jalil.

Dia yang sebelum ini melakukan



sesi latihan secara persendirian di rumah pernah menggunakan besi lama untuk tetap mengekalkan prestasi diri.

"Walaupun tiada peralatan yang lengkap di rumah namun itu bukanlah alasan untuk tidak berlatih. Tambahan pula pihak Majlis Sukan

Wilayah Persekutuan (MSWP) ada menyediakan modul latihan yang lengkap," ujarnya.

Mengakui turut berasa kecewa kerana tidak dapat menyertai sebarang kejohanan namun atlet Wilayah Persekutuan ini tetap ceria mendepani hari mendatang.

"Semua orang merasakan hal yang sama, ingin hidup bebas seperti sediakala namun dalam keadaan seperti ini kita perlu sama-sama menyahut seruan kerajaan untuk kekal berada di rumah.

"Lihat apa yang berlaku dari pelbagai sudut misalnya ketika inilah



ERRY konsisten dengan latihan di MSN.

kita punya banyak masa untuk diluangkan bersama keluarga ber-

banding sebelum ini," ujar pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Prestasi Ekuin Negara di tahap terbaik untuk aksi di WEC Jr

SELAIN bertungkus lumus menjalani latihan dan kejohanan kelayakan di luar negara, lima ekuin kebangsaan berjaya melayakkan diri ke Kejohanan Kuda Lasak Remaja Dunia 2021 (WEC Jr 2021) pada 6 September ini di Ermelo, Belanda.

Pengurus pasukan **Wan Mohd Kamaluddin Wan Yussof** berkata, lima ekuin berkenaan layak selepas mempamerkan aksi memberangsangkan di empat kejohanan yang dijalankan di Jerman, Perancis, Itali dan Poland baru-baru ini.

Ekuin negara itu terdiri daripada Muhammad Fariz Haikal Mohd Hassan Saari yang berusia 21 tahun, Anfal Insyirah Abu Talib, 15, Nur Qasrina Amani Zakaria, 20, An Nur Muhammad Imran Eirfan Anuwar, 19, dan Muhammad Yusuf Luqman Zakaria, 19.

"Alhamdulillah prestasi mereka sangat baik, kerana hampir 100 peratus menyelesaikan (120KM) untuk semua kejohanan. Kesemuanya beraksi dengan baik di Buch, Jerman; Compiegne, Perancis; Torgnon, Itali dan yang terakhir, kejohanan di Kliczkow Poland.

"Kita berharap dengan prestasi atlet dan kuda yang dipamerkan di empat negara tersebut, mereka mampu untuk mencapai kedudukan lima pasukan teratas dalam acara CEIYJ2 120KM. Pada 2015 kita tidak dapat apa, 2017 pun tidak dapat apa, dapat individu tempat ke-11. 2019 dapat tempat



PASUKAN Ekuin Negara menyasarkan kedudukan lima pasukan teratas dalam acara CEIYJ2 120KM.

kelima, jadi ini pun kita sasarkan lima terbaik," katanya ketika dihubungi Bernama.

Pencapaian terbaik pasukan Malaysia di bawah payung Persatuan Equestrian Malaysia (EAM) adalah meraih tempat keempat pada edisi 2013.

Beliau turut gembira apabila pasukan negara beraksi dengan baik ketika pusingan kelayakan walaupun persediaan dibuat pada saat akhir susulan pandemik COVID-19 yang menghalang mereka menjalankan latihan dengan lebih baik.

Sementara itu, Kamaluddin menyifatkan kuarantin wajib 14 hari buat atlet yang pulang ke

tanah air pada hari ini sebagai rintangan terbesar apabila terpaksa menjalani kuarantin di sebuah hotel dan tidak boleh melakukan latihan berat bagi menjaga momentum.

"Mereka kuarantin di hotel, jadi agak sukar sebab mereka tidak dibenarkan keluar daripada bilik. Jadi, untuk menjaga prestasi semasa, mereka perlu cukup makan dan cukup tidur, dan buat senaman ringan.

"Itu sahaja yang mereka boleh buat, jadi apabila selesai kuarantin mereka kena dapatkan balik momentum. Itu antara kekangan atlet waktu COVID-19 ini," katanya. - BERNAMA

Olimpik: Hanya tiga daripada 8,000 orang yang tiba di Tokyo positif COVID-19

HANYA tiga daripada lebih 8,000 orang yang tiba di Jepun dari 1 hingga 13 Julai untuk menyertai Sukan Olimpik Tokyo telah diuji positif COVID-19, menurut Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Kenyataan IOC menyebut sembilan hari sebelum upacara pembukaan, ia dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pengangur Tokyo 2020 bahawa ketiga-tiga individu yang diuji positif sejurus ketibaan segera telah diasangkan manakala kontak rapat mereka dikuarantin.

Semua individu adalah tertakluk kepada rejim ujian saringan Tokyo 2020 dan telah menjalani ujian pra perlepasan serta pemeriksaan kesihatan.

Seuja atlet dan pegawai yang terlibat dalam temasya yang dijadual berlangsung dari 23 Julai hingga 8 Ogos, perlu menjalani ujian harian selama tiga hari berturut-turut sebelum berlepas dan ujian harian bagi atlet serta kontak rapat sejurus tiba di Tokyo.

Media antarabangsa sebelumnya melaporkan bahawa dua anggota delegasi Olimpik dari Uganda pada bulan lepas dan seorang anggota pasukan mendayung Serbia pada awal bulan ini, didapati positif koronavirus sejurus tiba di Tokyo.

Terdahulu, Presiden IOC Thomas Bach, yang bertemu Perdana Menteri Jepun **Yoshihide Suga**, menzahirkan setinggi-tinggi penghormatan dan penghargaan kepada kerajaan serta rakyat Jepun.

"Atlet dari seluruh dunia kini tiba di Tokyo. Temasya ini akan menyatukan dunia dalam semua kepelbagaiannya. Mereka akan membuktikan bahawa kita lebih kuat jika bersama-sama dalam semua solidariti kita," menurutnya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata Jawatankuasa Pengangur telah melakukan tugas yang hebat dalam melakukan persiapan bagi temasya sukan itu dan menjadikan Tokyo sebagai bandar terbaik Olimpik dari segi persediaan.

Bach juga berkata 85 peratus daripada atlet serta pegawai akan tinggal di Perkampungan Olimpik dan hampir 100 peratus anggota IOC serta kakitangannya sama ada telah divaksin atau imun.

Katanya bagi wakil media antarabangsa, kadar mereka yang telah divaksin ialah sekitar 70 hingga 80 peratus. - BERNAMA

Kejayaan Nur Ain Nabilah

2019 - Sukan SEA Filipina - Perak

2018 - Sukan Komanwel, Gold Coast - Top 4

2018 - SUKMA Perak - Emas

2016 - Sukan Komanwel Remaja, Samoa - Emas

Instagram : @erryhidayat
Facebook : Muhammad Erry

Katanya lagi, sepatutnya dia akan beraksi dalam kejohanan Sukan SEA 2021 yang dijadualkan bermula hujung November ini namun terpaksa ditunda ke tahun depan. WK





SOP penerima dos lengkap akan dilonggar - Muhyiddin

INDIVIDU yang telah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19 akan dipertimbangkan diberi kelonggaran tertentu termasuk makan di kedai, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya beliau telah meminta Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) untuk membuat penilaian semula berhubung prosedur operasi standard (SOP) bagi mereka yang sudah menerima dua dos suntikan vaksin.

"Saya fikir sebahagian besar (rakyat) sudah dapat suntikan (vaksin COVID-19).

"Mutakhir sekali saya minta Jawatankuasa Pengurusan (JKJAV) ini menilai semula bagi mereka yang dapat vaksin dua suntikan supaya mereka akan diberikan kelonggaran-kelonggaran, sama ada dari segi perjalanan atau pergi ke kedai atau makan di restoran.

"Ini petanda supaya kita nak tunjukkan sementara kita menguruskan COVID-19, maka kehidupan rakyat mungkin sedikit demi sedikit akan kembali seperti masa-masa yang lepas," katanya kepada media selepas membuat tinjauan penyediaan Bakul Prihatin Negara di Dewan Perdana Nur, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, di sini hari ini.

Pada masa ini, katanya proses



INI petanda supaya kita nak tunjukkan sementara kita menguruskan COVID-19, maka kehidupan rakyat sedikit demi sedikit akan kembali seperti masa-masa yang lepas.

vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berjalan mengikut jadual.

"Saya harap dalam tempoh beberapa hari ke hadapan, bulan ini dan bulan hadapan, pembekalan vaksin akan meningkat dan bertambah," katanya.

Muhyiddin turut meminta semua pihak untuk meletakkan keyakinan kepada kerajaan dalam menguruskan pandemik COVID-19.

"Jadi bersabarlah, jangan kata kerajaan tak bagi tumpuan, tapi

yakinlah dengan kerjasama pimpinan dalam kerajaan, swasta, rakyat dan NGO (badan bukan kerajaan), kita boleh menang dalam menghadapi 'peperangan' ini," katanya.

Malaysia mula melaksanakan PICK pada 24 Feb lepas dan sejak itu sebanyak 12,647,558 dos vaksin telah diberikan, menjadikan jumlah keseluruhan individu yang telah lengkap dua dos vaksin ialah 4,003,266 atau 12.3 peratus daripada populasi rakyat Malaysia.

- BERNAMA

Portal MyGovernment lebih menyeluruh - MAMPU

SABRINA SABRE

ORANG ramai digalakkan menggunakan perkhidmatan portal MyGovernment secara dalam talian bagi mengakses perkhidmatan kerajaan.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berkata, sejak tahun 2003 portal MyGovernment menyediakan informasi berkaitan dengan perkhidmatan kerajaan, kemudian ditambah baik dari semasa ke semasa sehingga menjadikannya sebuah Gerbang Rasmi Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan Malaysia.

"Malah, bermula 1 Mei 2017, portal tersebut menyediakan informasi dan perkhidmatan dalam talian kerajaan merentas agensi secara berpusat melalui pendekatan peristiwa kehidupan dan berpaksikan rakyat," kata kenyataan itu.

Menurutnya, pendekatan yang digunakan juga memudahkan rakyat untuk memilih perkhidmatan yang diperlukan mengikut peristiwa kehidupan masing-masing tanpa perlu hadir ke premis kerajaan.

Katanya, kini, sebanyak 28 kementerian dan 57 agensi sektor awam telah

berkolaborasi dan menjadi rakan strategik dalam penyediaan kandungan dan integrasi perkhidmatan dalam talian untuk portal ini.

"Sehingga kini, sebanyak 389 perkhidmatan dalam talian kerajaan mengikut peristiwa kehidupan boleh dicapai dalam portal MyGovernment ini.

"Dengan sinergi yang strategik antara pelbagai jabatan kerajaan dalam merealisasikan agenda pendigitalan negara melalui pembangunan portal MyGovernment ini, insiden kesesakan di kaunter seperti di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wangsa Maju yang tular di media sosial baru-baru dapat dielakkan," jelasnya.


Justeru itu, MAMPU menyeru rakyat mengadaptasi teknologi dalam kehidupan harian dengan menggunakan perkhidmatan kerajaan secara talian.

Dalam pada itu, katanya kerajaan sedang giat memperluaskan perkhidmatan dalam talian secara End-To-End (E2E) yang merentasi pelbagai agensi awam dan swasta bagi memudahkan rakyat, industri dan kerajaan.

WK

RumahPrihatin@GrandSeasons harapan rakyat - Zara Zya

ZARA ZYA



DEEL ANJER

USAHA Kementerian Wilayah Persekutuan memperkenalkan Rumah Prihatin@GrandSeasons mendapat pujian ramai kerana memberi banyak manfaat kepada rakyat.

Berkonsepkan hotel kebajikan, lokasi itu berfungsi sebagai pusat sehati bagi membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19 khususnya golongan miskin bandar di Wilayah Persekutuan.

Pelakon popular Zara Zya, 35, menganggap Rumah Prihatin@GrandSeasons yang dilancarkan baru-baru ini sebagai satu harapan buat rakyat yang memerlukan tempat berteduh, berlindung serta makanan.

"Sepertimana yang kita tahu, ada lima komponen utama yang diwujudkan dalam rumah itu demi memenuhi keperluan rakyat.

"Antaranya adalah Dapur Prihatin yang menyediakan 1,000 pek makanan sehari. Ini sangat bertepatan dengan situasi sesetengah rakyat yang tidak cukup duit untuk membeli makanan.

"Bukan itu sahaja, bagi mereka yang mempunyai masalah tempat tinggal juga jangan risau kerana sebanyak 300 bilik penginapan Prihatin disediakan dengan harga paling minimum yang mampu dibayar," luahnya yang menganggap ia sebagai satu idea murni dalam mengutamakan kepentingan rakyat.

Menurut pelakon Love You Mr Arrogant itu lagi, komponen lain yang menarik dalam Rumah Prihatin@GrandSeasons adalah fokusnya terhadap Khidmat Kesihatan Mental Prihatin atau KMMP iaitu penyediaan khidmat kaunseling kepada individu terkesan COVID-19.

"Sekarang ini, ramai yang mengalami stres atau gangguan perasaan akibat tertekan dengan situasi yang mencabar.

"Bukan semua orang boleh melalui dugaan hidup apatah lagi mereka yang tiada sokongan keluarga atau orang tersayang. Jadi saya lihat, KMMP ini sangat membantu dalam usa-

ha kita untuk meredakan cabaran yang dihadapi mereka.

"Sanggupkah kita melihat ramai yang bunuh diri akibat stres? KMMP adalah satu langkah bijak," katanya yang memuji penubuhan Rumah Prihatin@GrandSeasons.

Selain itu, hotel kebajikan ini juga turut menyediakan Khidmat Vaksinasi Prihatin iaitu perkhidmatan vaksinasi dengan kapasiti 800 orang sehari.

"Memandangkan masih ramai yang belum menerima suntikan vaksin, langkah ini bagus dalam usaha kerajaan mahu mencapai imuniti kelompok dalam terus mengekang penularan COVID-19," tambah Zara Zya lagi.

Lokasi tersebut mula dibuka secara berperingkat pada 15 Julai lalu di premis Hotel Grand Seasons, Jalan Pahang berhadapan Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut boleh melayari laman sesawang www.yayasanwp.org/rumahprihatin atau emel ke rumahprihatin@yayasanwp.org.my atau hubungi helpline di talian 011-7110 7898. WK